

MEMPERKASA KOMODITI KE ARAH PEMBANGUNAN YANG MAMPAN

LAPORAN
TAHUNAN **MPIC**

2015

KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI

No. 15, Tingkat 6-13, Persiaran Perdana, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan, 62654 PUTRAJAYA

Tel 03-8000 8000
Faks 03-8880 3482

www.mpic.gov.my
www.facebook.com/MPICMalaysia
twitter.com/mpic_tweets

Isi Kandungan

Perutusan YB Menteri	1
2015 Sepintas Lalu	
Pencapaian Sektor Komoditi 2015	3
Pelan Transformasi	6
Peruntukan dan Perbelanjaan	8
Pencapaian Sektor Komoditi	
Industri Sawit	12
Industri Getah	25
Industri Kayu Kayan	30
Industri Koko	35
Industri Lada	39
Industri Kenaf	43
Kerjasama Antarabangsa	
Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA)	45
Misi Ekonomi dan Teknikal	51
Persidangan dan Mesyuarat Antarabangsa	52
Key Performance Indicator (KPI)	
National Key Economic Area (NKEA)	61
Pemeriksaan Ekonomi Bumiputera	
Agenda Pemeriksaan Bumiputera	67
Pemeriksaan Pekebun Kecil dan Usahawan Kecil dan Sederhana	
Statistik Pekebun Kecil Tahun 2015	71
Program dan Insentif Bagi Meningkatkan Pendapatan Pekebun Kecil	73
Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)	84
MPIC Bersama Rakyat	
Program Hello Komoditi	88
Persidangan Pekebun Kecil Dan Usahawan Komoditi Kebangsaan (NSCEC) 2015	90
Lawatan Kerja dan Aktiviti Sepanjang Tahun	91
Anugerah dan Pengiktirafan	
Dalam Negara	97
Luar Negara	99
Outlook 2016	
Cabaran 2016	102
Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11)	103
Semakan Semula Dasar Komoditi Negara	104
Libat Urus Dalam dan Luar Negara	105
Pengurusan Tertinggi	107
Mantan Pengurusan Tertinggi	108

Perutusan YB Menteri

Industri komoditi negara yang berorientasikan eksport banyak bergantung kepada faktor penawaran dan permintaan serta pertumbuhan ekonomi dunia. Kedua-dua faktor ini mempengaruhi pergerakan harga komoditi di pasaran tempatan dan antarabangsa. Berikutan itu, sektor komoditi negara tidak terkecuali daripada menerima kesan akibat ketidaktentuan ekonomi global. MPIC sentiasa komited dan proaktif dalam melaksanakan program-program ke arah memperkukuh harga komoditi dan seterusnya memastikan sektor ini terus kekal sebagai salah satu penyumbang utama pembangunan negara.

Usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh MPIC nyata telah memberikan impak positif kepada ekonomi negara. Pada tahun 2015, sektor komoditi menjadi penyumbang eksport kedua terbesar negara selepas elektrik dan elektronik dengan nilai sebanyak RM117.1 bilion atau 15% daripada keseluruhan eksport barangan Malaysia. Selain itu, sektor komoditi juga menyumbang sebanyak 8.3% atau RM88.1 bilion kepada KDNK 2015.

Bagi memastikan sektor komoditi negara terus mampan dan berdaya saing di masa hadapan, MPIC telah melaksanakan kajian semula ke atas Dasar Komoditi Negara (DKN) dengan memberi tumpuan kepada strategi peningkatan produktiviti dan penghasilan lebih banyak produk-produk bernilai tambah baharu. Saya yakin usaha-usaha yang akan dilaksanakan oleh MPIC melalui DKN dapat melonjakkan kecemerlangan sektor komoditi negara ke tahap yang lebih baik daripada prestasi tahun-tahun sebelumnya.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua warga MPIC, Agensi dan Majlis atas semangat serta usaha gigih dalam memajukan sektor komoditi. Saya percaya, dengan komitmen dan sokongan daripada semua pihak, sektor komoditi akan terus mencatatkan prestasi yang kukuh di tahun-tahun akan datang dan kekal sebagai salah satu penyumbang utama kepada pembangunan ekonomi negara khususnya dalam mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas
Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi
17 Mei 2016



2015 SEPINTAS LALU


Pencapaian Sektor Komoditi 2015

Prestasi Eksport


Nilai eksport sektor komoditi ialah RM117.1 bilion atau 15% daripada jumlah eksport barangan di Malaysia.

Nilai imbalan dagangan terbesar iaitu sebanyak RM85.6 bilion.

Perbandingan Nilai Eksport Sektor Utama (RM Bilion)




Nilai Eksport Mengikut Pecahan Komoditi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Rakan Dagangan Utama Malaysia Dalam Sektor Komoditi




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

KDNK pada harga malar 2010

Menyumbang
RM88.05 bilion atau
8.3% kepada KDNK
negara.

Penyumbang
terbesar adalah
subsektor sawit
dengan aktiviti di
peringkat huluhan
menyumbang
46.9% kepada
sektor pertanian
manakala hiliran
pula 4.1% kepada
sektor pembuatan.




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Keluasan Tanaman

Jumlah keluasan tanaman komoditi adalah seluas 6.81 juta hektar.

Tanaman komoditi adalah 62.3% daripada jumlah keseluruhan keluasan tanaman pertanian di Malaysia yang dianggarkan seluas 10.94 juta hektar dan 20.6% daripada jumlah keluasan tanah di Malaysia.


Pecahan Guna Tanah di Malaysia (Hektar)



Harga Tahunan

Kesemua harga komoditi utama kecuali lada merekodkan penurunan berikutan kelembapan ekonomi global semasa yang mempengaruhi permintaan terhadap barangan berasaskan komoditi.

Trend Harga Bulanan Komoditi Utama Bagi Tempoh 2014 hingga 2015



Pelan Transformasi

MPIC dalam usaha untuk memastikan sistem penyampaian perkhidmatan awam kekal relevan dan memenuhi ekspektasi rakyat turut melaksanakan inisiatif transformasi melalui beberapa program **Pelan Transformasi MPIC**.

HELLO KOMODITI

OBJEKTIF

- pengetahuan dan kesedaran tanaman komoditi
- bantuan dan insentif yang disediakan
- peluang latihan

KPI

4 program

OUTCOME



- amalan pertanian baik & produktiviti
- penyertaan dalam sektor perladangan dan komoditi
- hasil pendapatan pekebun kecil kecil/usahawan komoditi

PROGRAM



Sesi *hand-holding* & khidmat nasihat secara terus antara agensi dan pekebun kecil menerusi seminar/ceramah berkaitan komoditi



Pameran dan jualan produk berasaskan komoditi

Coklat Lada Bag Kenaf



Demonstrasi produk dan teknologi terkini bagi meningkatkan Amalan Pertanian Baik (GAP)



Hari Bertemu Pelanggan bagi mendapatkan maklum balas secara langsung daripada Kementerian dan Agensi

PENCAPAIAN 2015

Reachout **8,000** pengunjung di **4** lokasi program

Kuching **Dalat** **Betong** **Sabak Bernam**

Pekebun kecil mendapatkan khidmat nasihat dan bimbingan semasa sesi *hand-holding* **4,800 orang**

Belia dan pekebun kecil mendaftar kursus anjuran IMPAC **1,200 orang**

Pengunjung mengunjungi Kaunter Khidmat Pelanggan MPIC **830 orang**

Pekebun kecil yang menerima input pertanian **620 orang**

INTER MINISTRY AGENCY ATTACHMENT (IMAA)



Peruntukan dan Perbelanjaan


Prestasi Perbelanjaan

Prestasi perbelanjaan mengurus dan pembangunan pada tahun 2015 adalah lebih tinggi berbanding tahun 2014 yang masing-masing mencapai 99.3% dan 97.8%.

Secara keseluruhannya, prestasi Perbelanjaan MPIC pada tahun 2015 ialah **99.7%** iaitu **RM1.576 bilion** daripada RM1.581 bilion peruntukan yang diluluskan.

Belanja Mengurus


Prestasi perbelanjaan mengurus ialah 99.6% iaitu sebanyak RM1.16 bilion daripada RM1.17 bilion.



Belanja Pembangunan

99.99% atau RM415.19 juta daripada peruntukan belanja pembangunan sebanyak RM415.21 juta telah dibelanjakan.

Pecahan Peruntukan Pembangunan Mengikut Agensi



Projek Pembangunan Di Bawah RMKe-10

Sebanyak 45 projek dan program pembangunan telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* Keempat (RP4) Tahun 2015, Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe10) yang mana status pelaksanaan projek adalah seperti berikut:

5 Projek telah siap sepenuhnya


37 Projek dilaksanakan mengikut jadual

3 Projek dahulu jadual

Agensi	Bil Projek	Peruntukan 2015	Perbelanjaan JANM 2015		Perbelanjaan Sebenar 2015	
Pejabat MPIC	6	80,760,000	80,747,927	99.99%	80,747,927	99.99%
Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)	3	14,560,000	14,560,000	100%	14,560,000	100%
Lembaga Getah Malaysia (LGM)	6	8,550,000	8,550,000	100%	8,550,000	100%
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)	4	121,000,000	121,000,000	100%	121,000,000	100%
Lembaga Koko Malaysia (LKM)	12	33,456,000	33,456,000	100%	33,456,000	100%
Lembaga Tembakau Dan Kenaf Negara (LKTN)	3	27,000,000	27,000,000	100%	27,000,000	100%
Lembaga Lada Malaysia (MPB)	7	13,880,000	13,880,000	100%	13,880,000	100%
NKEA	4	116,000,000	116,000,000	100%	116,000,000	100%
JUMLAH	45	415,206,000	415,193,927	99.99%	415,193,927	99.99%

Penilaian Inspektorat


Laporan penemuan prestasi perbelanjaan oleh pihak ICU, JPM telah menunjukkan bahawa MPIC telah mencapai **tahap sangat baik** dengan memperoleh markah sebanyak **96.59%**. Pencapaian ini telah membolehkan MPIC mendapat **kedudukan pertama** daripada semua Kementerian.



Pembangunan dan Infrastruktur Stesen Penyelidikan Kuala Kuantan (Bukit Kuantan, Pahang) oleh LGM



Program Pembangunan Modal Insan Untuk Usahawan Industri Kayu oleh MTIB



Pembangunan dan Infrastruktur Stesen Penyelidikan Kuala Kuantan (Bukit Kuantan, Pahang) oleh LGM

Penilaian Outcome

Kesemua projek yang dibentangkan telah mencapai *outcome* yang dikategorikan sebagai *Significantly Exceed Target* (ST) dengan pencapaian keseluruhan sebanyak **88.3%** dan telah mendapat kedudukan ke-5 daripada 24 Kementerian.

Sebanyak **empat program/ projek** pembangunan di bawah RMKe-10 yang dikategorikan sebagai **Siap Sepenuhnya (SS)** telah dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Penilaian Outcome (JKPO) ICU, JPM pada tahun 2015.

Tajuk Projek	Agensi Pelaksana	Siling Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Pencapaian (%)	
				Pematuhan Metodologi Laporan	Outcome Projek
Pembinaan Kemudahan dan Infrastruktur di Industri Berkelompok Minyak Sawit (POIC) Tanjung Langsat	Johor Corporation (JCorp)	66,000,000	66,000,000	79.0	91.1
Pembangunan Kapasiti Bahagian Pemindahan Teknologi kepada Pertanian	Lembaga Koko Malaysia (LKM)	2,000,000	1,996,770	79.2	81.3
Pembangunan Industri Lada - Kawasan Baru dan Selenggara	Lembaga Lada Malaysia (MPB)	34,680,000	34,449,763	74.6	89.0
Pusat Teknologi Oleokimia	Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)	18,000,000	17,247,077	91.3	91.9

PENCAPAIAN SEKTOR KOMODITI

Industri Sawit

1.1 Prestasi Industri Pada Tahun 2015



Keluasan tanaman
5.64 juta hektar atau
82.9% daripada
jumlah keluasan
tanaman komoditi



19.96 juta tan
pengeluaran
minyak sawit
mentah (CPO)



Stok minyak
sawit pada paras
2.3 juta tan




Purata hasil
pengeluaran buah
tandan segar
18.49 tan/ha



Jumlah eksport
RM63.2 bilion
atau **54%** daripada
jumlah eksport produk-
produk komoditi

Pada tahun 2015, purata harga minyak sawit mentah (CPO) adalah pada paras RM2,153.50 se tan iaitu penurunan 9.6% berbanding RM2,383.50 se tan yang dicatatkan pada tahun 2014. Penurunan harga CPO adalah selari dengan kelemahan harga minyak sayuran dunia seperti minyak kacang soya (SBO) dan minyak sesawi (RSO), di mana masing-masing telah mencatatkan penurunan sebanyak 16.7% dan 14.5% kepada USD757 se tan dan USD775 se tan.




Komoditi sawit adalah penyumbang utama dengan nilai eksport sebanyak RM63.2 bilion atau 54% daripada keseluruhan eksport produk-produk komoditi. Walau bagaimanapun, nilai ini mencatatkan penurunan sebanyak 4.3% berbanding RM66.1 bilion yang direkodkan pada tahun sebelumnya.

NILAI EKSPORT PRODUK-PRODUK SAWIT (RM Juta)

Produk	2014	2015	% Perubahan
<i>Palm Oil</i>	42,809.40	40,141.74	(6.23)
<i>Palm Kernel Oil</i>	4,112.94	4,028.24	(2.06)
<i>Palm-based Oleochemical</i>	14,853.79	14,858.71	0.03
<i>Other Palm-based Products</i>	3,097.21	3,301.28	6.59
<i>Palm Kernel Cake</i>	1,199.40	885.39	(26.18)
Jumlah	66,072.74	63,215.37	(4.32)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)
() bermaksud penurunan

Penurunan nilai eksport pada tahun 2015 adalah berikutan prestasi eksport ke negara-negara pengimport utama seperti China, Pakistan dan Amerika Syarikat yang mencatatkan penurunan masing-masing sebanyak 15.3%, 18.8% dan 17.4%.




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

1.2 Pasaran Minyak Sawit Dunia

Indonesia merupakan pesaing utama Malaysia dalam pengeluaran dan pengeksportan minyak sawit. Berbanding Malaysia, Indonesia telah menghasilkan sebanyak 33.6 juta tan minyak sawit dan mengeksport sebanyak 25.9 juta tan minyak sawit.

Perbandingan Pengeluaran dan Eksport Minyak Sawit oleh Malaysia dan Indonesia Pada Tahun 2015




Sumber: Oil World Annual (2007 - 2015) & Oil World Weekly (11 December 2015)

1.3 Kemampanan Industri Sawit



Minyak sawit merupakan salah satu daripada 17 minyak sayuran utama yang diperdagangkan di pasaran antarabangsa. Secara perbandingan, sawit merupakan tanaman yang paling produktif berbanding dengan minyak sayuran yang lain bagi setiap hektar tanaman. Oleh itu, bagi memastikan daya saing industri sawit, Kementerian telah dan akan meneruskan pelbagai usaha ke arah memastikan kemampanan industri sawit seperti berikut:

Pensijilan *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MSPO)



Penanaman sawit di tanah gambut yang mempunyai aras air sehingga **30 sentimeter** daripada permukaan



Kos pengauditan di bawah MSPO hanya pada kadar **RM4.85** sehektar



Malaysian Palm Oil Certification Council (MPOCC) bertanggungjawab terhadap pelaksanaan pensijilan MSPO



Peruntukan sebanyak **RM53.8 juta** juga telah disediakan untuk membantu pekebun kecil dalam mendapatkan pensijilan

Jenis Pensijilan	MSPO	RSPO
Estet		
Syarikat yang telah mendapat pensijilan	10	16
Premis yang telah mendapat pensijilan	42	(termasuk kilang-kilang sawit)
Jumlah kawasan yang telah mendapat pensijilan (hektar)	130,097.36	1,514,007
Pekebun Kecil		
Premis yang telah mendapat pensijilan	7	3
Jumlah kawasan yang telah mendapat pensijilan (hektar)	5,197.86	809.92
Kilang-kilang		
Premis yang telah mendapat pensijilan	15	-
CSPO yang telah mendapat pensijilan (tan)	428,946.24	5,532,572
Isirung sawit (Palm Kernel-PK) yang telah mendapat pensijilan (tan)	90,242.74	1,352,308

Sumber: MPOB

Kelompok Penanam Sawit Mampan

Kelompok Minyak Sawit Mampan (*Sustainable Palm Oil Cluster* - SPOC) merupakan program yang dibangunkan oleh MPOB khusus untuk pekebun kecil persendirian. Dua komponen utama ialah:

- melaksanakan Pensijilan Kebun Pekebun Kecil (PKPK)
- menubuhkan Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM).

Objektif SPOC adalah untuk memastikan pekebun kecil sawit mengeluarkan hasil sawit secara mampan. Di bawah program SPOC, pekebun-pekebun kecil dikelompokkan mengikut kawasan yang diketuai oleh pekebun kecil dan dibantu secara langsung oleh Pegawai TUNAS MPOB. Pada masa ini terdapat beberapa jenis pensijilan yang dijalankan ke atas kebun pekebun kecil di Malaysia seperti berikut:

- *Good Agricultural Practice* (GAP)
- *Code of Practice* (CoP)
- *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MSPO)
- *Roundtable for Sustainable Palm Oil* (RSPO)

Pencapaian Bagi Tempoh Januari hingga Disember 2015

4,389

Lot kebun pekebun kecil telah dinilai dengan keluasan tanaman seluas

12,780.31 hektar

295

Lot kebun dengan keluasan

959.91 hektar telah dianugerahkan sijil MPOB GAP

2 SPOC telah dianugerahkan pensijilan MPOB CoP iaitu SPOC Kuala Langat, Selangor dan SPOC Hilir Perak

3 SPOC berjaya mendapat pensijilan RSPO iaitu SPOC Beluran, Kinabatangan dan Air Kuning di Perak

Kemajuan SPOC sehingga Disember 2015

Bil	SPOC	Bil. Pekebun Kecil	Keluasan (Ha)
1	SPOC Kuala Langat, Selangor	2,135	2,133
2	SPOC Kuala Selangor, Selangor	2,683	5,173
3	SPOC Jasin, Melaka	912	3,824
4	SPOC Teluk Intan, Perak	5,317	12,723
5	SPOC Batang Padang, Perak	1,245	4,676
6	SPOC Selama, Perak	1,378	4,425
7	SPOC Kluang, Johor	13,161	47,313
8	SPOC Kulajaya, Johor	1,055	4,069
9	SPOC Yong Peng, Johor	460	1,567
10	SPOC Bera, Pahang	2,350	9,350
11	SPOC Temerloh, Pahang	1,185	6,001
12	SPOC Maran, Pahang	870	4,048
13	SPOC Besut, Terengganu	281	465
14	SPOC Beluran, Sabah	4,701	26,917
15	SPOC Keningau, Sabah	1,132	6,939
16	SPOC Tongod, Sabah	1,434	6,924
17	SPOC Tawau, Sabah	1,644	11,202
18	SPOC Kunak, Sabah	910	8,205
19	SPOC Kinabatangan, Sabah	3,648	22,104
20	SPOC Tungku, Sabah	3,196	26,141
21	SPOC Saratok, Sarawak	5,857	14,502
22	SPOC Serian, Sarawak	375	2,100
23	SPOC Selangau, Sarawak	531	2,944
24	SPOC Asajaya, Sarawak	230	400
25	SPOC Meradong, Sarawak	496	3,161
26	SPOC Belaga, Sarawak	511	1,191
27	SPOC Bakong, Sarawak	1,500	5,417
28	SPOC Limbang, Sarawak	1,070	2,467
29	SPOC Long Lama, Sarawak	2,014	8,434
30	SPOC Lawas, Sarawak	274	1,699
31	SPOC Hilir Perak, Perak	39	116
32	SPOC Telupid, Sabah	88	455
Jumlah		62,682	257,085

Sumber: MPOB

Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM)

Penubuhan KPS Mini sebagai satu strategi untuk mempercepatkan pencapaian matlamat SPOC iaitu bagi memastikan pengeluaran hasil sawit secara mampan. Sehingga kini, terdapat **30** KPSM telah ditubuhkan di seluruh Malaysia dengan 13 daripadanya di Semenanjung, 7 di Sabah dan 10 di Sarawak.

Objektif utama penubuhan KPSM adalah untuk menyatukan pekebun kecil supaya berupaya menjalankan aktiviti untuk kebaikan bersama seperti:

- meningkatkan pengeluaran dan kualiti buah tandan segar (BTS)
- pembelian input secara berkelompok untuk mengurangkan kos
- penjualan BTS berkelompok bagi mendapatkan harga yang tinggi dan meningkatkan pendapatan ahli

Kemajuan KPSM sehingga 31 Disember 2015

Bil	Negeri	KPSM	Bil Pekebun Kecil	Luas (ha)	Bilangan Ahli
1	Sarawak	Daerah Saratok	5,857	14,502	530
2		Daerah Serian	375	2,100	124
3		Daerah Selangau Sibu	531	2,944	200
4		Daerah Asajaya	230	400	44
5		Daerah Meradong Sarikei	496	3,161	69
6		Daerah Belaga	511	1,191	335
7		Bakong Marudi	1,500	5,417	105
8		Daerah Limbang	1,070	2,467	135
9		Long Lama Marudi	2,014	8,434	199
10		Daerah Lawas	274	1,699	101
Jumlah Sarawak			12,858	42,315	1,842
11	Sabah	Daerah Beluran	4,701	26,917	69
12		Daerah Keningau	1,132	6,939	128
13		Daerah Tongod	1,434	6,924	325

Bil	Negeri	KPSM	Bil Pekebun Kecil	Luas (ha)	Bilangan Ahli
14		Daerah Kunak	910	8,205	69
15		Daerah Kinabatangan	3,648	22,104	177
16		Daerah Tawau	1,644	11,202	89
17		Daerah Tungku	3,196	26,141	78
Jumlah Sabah			16,665	108,432	935
18	Johor	Daerah Kluang	13,161	47,313	38
19		Daerah Kulaijaya	1,055	4,069	24
20		Yong Peng Utara	460	1,567	88
Jumlah Johor			14,676	52,949	150
21	Pahang	Temerloh	1,185	6,001	64
22		Daerah Bera	2,350	9,350	70
23		Daerah Maran	870	4,048	48
Jumlah Pahang			4,405	19,399	182
24	Terengganu	Daerah Besut	281	465	61
Jumlah Terengganu			281	465	61
25	Selangor	Mukim Tanjung 12 1 & 2 Kuala Langat	2,135	2,133	47
26		Daerah Kuala Selangor	2,683	5,173	35
Jumlah Selangor			4,818	7,306	82
27	Melaka	Daerah Jasin	912	3,824	77
Jumlah Melaka			912	3,824	77
28	Perak	Teluk Intan	5,317	12,723	101
29		Batang Padang Selatan	1,245	4,676	38
30		Daerah Selama	1,378	4,425	58
Jumlah Perak			7,940	21,824	197
Jumlah Keseluruhan			62,555	256,514	3,526

Sumber: MPOB

Kemajuan Projek Jualan BTS Berkelompok Ahli KPSM sehingga 31 Disember 2015

Bil	Negeri	KPSM	Bil Pekebun Kecil	Luas (ha)	Jumlah Jualan (Tan)	Nilai (RM)
1	Sarawak	Daerah Saratok	5,857	14,502	9,884.83	3,878,915.29
2		Daerah Serian	375	2,100	5,472.56	2,117,326.10
3		Daerah Selangau Sibu	531	2,944	402.71	149,072.15
4		Daerah Belaga	511	1,191	2,874.23	1,053,931.57
5		Daerah Lawas	274	1,699	211.82	68,282.65
6	Sabah	Daerah Beluran	4,701	26,917	193.25	77,065.26
7		Daerah Keningau	1,132	6,939	2,286.81	865,167.09
8		Daerah Tongod	1,434	6,924	36.30	14,811.58
9		Daerah Tawau	1,644	11,202	3,844.61	997,443.74
10	Johor	Daerah Kluang	13,161	47,313	225.62	96,534.89
11		Yong Peng Utara	460	1,567	2,043.65	972,420.98
12	Pahang	Daerah Bera	2,350	9,350	3,431.91	1,285,707.39
13		Temerloh	1,185	6,001	7,702.54	3,470,705.22
14	Perak	Teluk Intan	5,317	12,723	528.27	183,317.10
15		Daerah Selama	1,378	4,425	191.26	81,901.25
Jumlah Keseluruhan			40,310	155,797	39,330.37	15,312,602.26

Sumber: MPOB

1.4 Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)



Sehingga tahun 2015, sejumlah **586 teknologi** telah dihasilkan oleh MPOB untuk kegunaan industri sawit. Daripada jumlah tersebut, **177 teknologi** iaitu 30.2% telah dikomersilkan. Kadar pengkomersilan teknologi MPOB adalah antara yang tertinggi di Malaysia. Pada 2015, sebanyak **23 teknologi** telah dihasilkan dan **3** daripadanya telah dikomersilkan.


Bilangan Pengkomersilan Teknologi (TOT) MPOB Sehingga 2015

Kluster	Bilangan Teknologi
Perladangan	24
Biojisim	12
Perlindungan Tumbuhan	12
Klonal dan Bioteknologi Tumbuhan	15
Makanan	20
Oleokimia	34
Tenaga Hijau	5
Pengilangan dan Pemprosesan	12
Jentera Perladangan	16
Fitonutrient	6
Peralatan Makmal dan Perkhidmatan	18
Makanan ternakan	3
Jumlah	177

Sumber: MPOB

1.5 Biobahan Api

Dasar Biobahan Api Negara (DBN 2006) telah dilancarkan pada tahun 2006 bagi mengembangkan potensi penggunaan biobahan api berasaskan sawit berlandaskan 5 teras berikut:



Program

B5

Penggunaan biodiesel sawit sebanyak **500,000 tan setahun**

Pengangkutan darat telah menggunapakai B5 sepenuhnya

Perjalanan Program B5 bagi Semenanjung Malaysia telah disempurnakan di Wilayah Timur (Pahang, Terengganu dan Kelantan) serta di Wilayah Utara (Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis).

12 Januari
2010

20 Februari
2012

22 Julai
2013

Mac 2014

Program B5 dilaksanakan bagi sektor bersubsidi di Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Negeri Sembilan dan Melaka

Seluruh sektor bersubsidi di Wilayah Selatan (Johor) telah menyertai Program B5

Program B7

B7 Program B5 ditingkatkan kepada B7 secara berfasa melibatkan sektor bersubsidi pada **17 Oktober 2014**

576,000 tan

Meningkatkan keperluan biodiesel sawit

**November
2014**

Pelaksanaan di
Semenanjung

**Disember
2014**

Pelaksanaan di
Sabah dan
Sarawak

Program B10

MPIC dan MPOB telah mengadakan beberapa siri perbincangan/konsultasi dengan pihak-pihak berkepentingan dalam sektor automotif termasuk *Japan Automobile Manufacturers Association* (JAMA) dan *Malaysian Automotive Association* (MAA), *Federation of Malaysia Manufacturers* (FMM) untuk meneliti kesesuaian penggunaan B10 dalam sektor berkenaan.

Kategori Lesen

- Pengeluaran
- Perdagangan
- Perkhidmatan
- Pengangkutan

Pelesenan Biobahan Api

Pelesenan Biobahan Api oleh MPIC bertujuan untuk mengawalselia perjalanan industri biobahan api negara, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta 666.

Status Permohonan Lesen Biobahan Api Tahun 2015

Status Permohonan	Bilangan
Baru	19
Pembaharuan Lesen	42
Jumlah Diluluskan	61

Sumber: Bahagian Biobahan Api, MPIC

Penguatkuasaan Bestari Pelesenan Biobahan Api

- Dilaksanakan ke atas syarikat-syarikat yang telah memohon lesen dan yang berlesen bagi aktiviti mengadun, mengeksport, menyimpan dan mengangkut biobahan api atau biobahan api yang diadunkan dengan bahan api lain
- Tujuan penguatkuasaan bestari ini untuk memastikan pematuhan industri ke atas Akta Industri Biobahan Api Malaysia 2007 (Akta 666)

Butiran Penguatkuasaan Bestari Tahun 2015

Bil	Negeri	Depoh	Premis	Jumlah
1	Pulau Pinang	5	-	5
2	Pahang	2	-	2
3	Johor Baharu	-	3	3
4	Sabah	8	-	8
5	Sarawak	4	-	4
6	Selangor	-	2	2
7	Negeri Sembilan	1	-	1
8	Terengganu	1	-	1
9	W.P. Labuan	2	-	2
10	Perak	1	-	1
Jumlah		25	5	30

Sumber: Bahagian Biobahan Api, MPIC

Industri Getah

1.1 Prestasi Industri Pada Tahun 2015

Keluasan tanaman getah 1,078,630 hektar. 92% atau 992,510 hektar merupakan tanaman pekebun kecil

Purata hasil pengeluaran 1.41 kilogram sehektar



Pengeluaran getah asli 721,625 tan

Jumlah penggunaan domestik getah asli dan getah sintetik sebanyak 889,754 tan

Harga Tertinggi Terendah

Harga tertinggi getah asli SMR20 adalah pada paras RM17.17 yang direkodkan pada 18 Februari 2011 manakala harga terendah adalah pada paras RM3.96 yang direkodkan pada 15 Disember 2008

Pada tahun 2015, purata harga getah asli bagi gred *Standard Malaysian Rubber* (SMR) 20 telah jatuh ke paras RM5.21 sekilogram, penurunan 8.7% berbanding RM5.53 sekilogram pada tahun 2014. Kemerosotan harga getah ini berpunca antara lain daripada pengaruh sentimen negatif di pasaran akibat laporan mengenai peningkatan lebih simpanan getah di Thailand dan China.

Trend Harga Harian Getah Asli SMR 20 Bagi Tempoh 2005 hingga 2015 (RM/Kg)






Pada tahun 2015, jumlah nilai eksport getah asli dan produk-produk getah adalah sebanyak RM25.2 bilion, peningkatan 6.6% berbanding RM23.6 bilion pada tahun 2014. Kesan daripada penurunan nilai Ringgit berbanding Dollar US, **eksport sarung tangan getah** yang mewakili **52.1%** daripada jumlah eksport keseluruhan sektor getah mencatatkan **peningkatan sebanyak 22.4% kepada RM13.1 bilion** berbanding RM10.7 bilion yang direkodkan pada tahun 2014. Walau bagaimanapun, nilai eksport getah asli mengalami penurunan sebanyak 12% kepada RM4 bilion berbanding RM4.5 bilion pada tahun 2014 berikutan kejatuhan harga getah asli.

Nilai Eksport Produk-Produk Getah (RM juta)

Jenis Produk	2014	2015	% Perubahan
Natural Rubber	4,543.69	4,000.21	(11.96)
Tyre	982.83	1,116.54	13.60
Inner Tubes	15.13	16.29	7.64
Latex Goods	12,197.19	14,634.88	19.99
Rubber Gloves	10,701.84	13,096.99	22.38
Other Latex Products	1,495.35	1,537.88	2.84
Footwear	315.14	376.90	19.60
Industrial Rubber Goods	594.82	727.74	22.35
General Rubber Goods	1,069.22	1,109.43	3.76
Other Rubber	3,889.77	3,180.11	(18.24)
Jumlah	23,607.79	25,162.09	6.58

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)
() bermaksud penurunan




Sumber: LGM

1.2 Pasaran Getah Dunia

Selain Malaysia, 10 buah negara pengeluar utama getah asli dunia lain menganggotai *Association of Natural Rubber Producing Countries* (ANRPC). Objektif utama ANRPC adalah untuk:

- menyelaraskan pengeluaran dan pemasaran getah asli
- menggalakkan kerjasama teknikal antara negara-negara ahli
- melaksanakan usaha-usaha penstabilan harga getah di pasaran dunia



Sumber: ANRPC

Nota: Tiada pengeluaran getah asli oleh Singapura

1.3 Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)

Bil.	Produk	Aktiviti Pada Tahun 2015
1	Produk-produk bernilai tinggi seperti getah termaju Ekoprena dan Pureprena	• Penggunaan Ekoprena untuk menghasilkan tayar mesra alam dan telepak tayar bagi kegunaan <i>tyre retreading</i> adalah pada peringkat pengkomersilan dan pemindahan teknologi kepada pengeluar tayar dan tayar celupan di dalam dan luar negara • 2 Memorandum of Agreement (MoA) telah ditandatangani di bawah projek NKEA Getah untuk Pengkomersilan Ekoprena dan Pureprena masing-masing pada 14 Ogos dan 30 Disember 2015. • MoA untuk <i>Retread Tyre dan Engineering Product</i> telah ditandatangani pada 12 Jun 2015.
2	Penggunaan getah dalam penurapan jalan	• Menggunakan getah beku sebagai bahan campuran asphalt untuk turapan jalan dalam usaha meningkatkan penggunaan domestiknya, sekaligus membantu menstabilkan pengeluaran getah • Satu MoA mengenai <i>Research Collaboration on Cuplump Modified Asphalt (CMA) in Road Pavement Construction</i> telah ditandatangani antara Jabatan Kerja Raya dan LGM pada 24 Jun 2015. • Terdapat dua projek yang telah siap dibina, membabitkan turapan getah menggunakan getah beku sebagai bahan campuran <i>asfalt</i> iaitu di Tampin, Negeri Sembilan dan Kota Tinggi di Johor
3	Kaedah analisis teknologi infrared bagi menentukan Kandungan Getah Kering (KGK)	• Masih di peringkat pembangunan dan penilaian industri • Kaedah ini mampu menentukan kadar KGK bagi getah bekuan dalam tempoh kurang dari 45 saat. Kaedah penentuan KGK ini dapat memastikan pekebun mendapat harga yang lebih baik di peringkat ladang.

Industri Kayu Kayan

Industri kayu-kayan negara merupakan salah satu penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara. Industri ini kekal berpotensi untuk terus dikembangkan lagi memandangkan Malaysia mempunyai sumber asli dari hutan tropika yang bernilai tinggi, memenuhi keperluan pasaran dan diurus secara mampan.

Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP) terus memberikan panduan kepada industri ini dalam meniti cabaran mendatang serta menetapkan hala tuju pembangunan pada masa hadapan. NATIP juga telah menyasarkan peralihan struktur dari satu industri yang tertumpu kepada pengeluaran produk hulu kepada perusahaan yang menitik beratkan pengeluaran produk hiliran bernilai tambah pada nisbah 60:40.

1.1 Prestasi Eksport Bagi Tahun 2015

Nilai eksport produk kayu kayan pada tahun 2015 adalah sebanyak RM22.1 bilion, peningkatan 6.5% berbanding RM20.8 bilion yang direkodkan pada tahun sebelumnya.


Nilai Eksport Produk Kayu Kayan (RM juta)

Jenis Produk	2014	2015	% Perubahan
Saw Logs	2,071.64	2,023.54	(2.3)
Sawn Timber	2,650.94	3,175.13	19.8
Fibreboard	1,053.44	1,133.35	7.6
Plywood	5,195.15	4,689.55	(9.7)
Mouldings	720.70	831.98	15.4
Veneer Sheet	305.67	351.75	15.1
Builder's Joinery & Carpentry	1,003.30	1,118.34	11.5
Wooden & Rattan Furniture	6,542.62	7,474.87	14.2
Others	811.79	908.40	11.9
Jumlah	20,355.24	21,706.93	6.6

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)
() bermaksud penurunan

Perabot kayu dan rotan merupakan penyumbang terbesar dengan nilai eksport sebanyak RM7.5 bilion atau 34.4% dari jumlah eksport keseluruhan produk kayu kayan. Berbanding tahun 2014, ianya telah mencatatkan peningkatan sebanyak 14.3%.

Peningkatan ini adalah berikutan peningkatan eksport ke beberapa negara utama seperti Amerika Syarikat berikutan pertumbuhan projek perumahan di negara berkenaan pada akhir 2015 sekaligus menyebabkan pertambahan permintaan terhadap perabot.



1.2 Program Pembangunan Ladang Hutan

Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) telah bermula pada tahun 2005 di mana ianya adalah salah satu langkah untuk memastikan bekalan bahan mentah mencukupi bagi industri hiliran berasaskan kayu. Program yang diterajui oleh MPIC ini dilaksanakan secara bersama antara Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) dan syarikat milik MTIB, Forest Plantation Sdn. Bhd. (FPDSB).

**75 juta
meter padu**

Bekalan bahan mentah
kepada industri
sepanjang 15 tahun
pelaksanaan

**5 juta
meter padu**

Bekalan bahan
mentah
setahun

**RM1.045
bilion**

Peruntukan
disediakan bermula
tahun 2007 sehingga
2020

**15,000
hektar**

Sasaran keluasan
tanaman
setahun

Pencapaian Program PPLH pada 2015

Sehingga 2015, terdapat sebanyak 61 perjanjian pinjaman PPLH yang terdiri daripada syarikat/agensi/koperasi telah diluluskan. Jumlah keseluruhan kawasan ladang hutan yang telah diluluskan pula ialah 123,427 hektar dan nilai pinjaman berjumlah RM939.6 juta.

Jumlah Pinjaman Mengikut Skim PPLH

Skim PPLH	Jumlah Perjanjian	Keluasan (Hektar)	Nilai Pinjaman (RM)
Kecil	7	245.14	2,544,880
Sederhana	28	33,631.95	322,411,500
Besar	26	89,550.00	614,620,000
Jumlah	61	123,427.09	939,576,380

Sumber: MTIB

Sehingga 31 Disember 2015, seluas **106,460 hektar** atau 86.2% daripada keseluruhan kawasan ladang hutan yang telah diluluskan telah berjaya ditanam.

Bagi tahun 2015, sasaran yang ditetapkan bagi keluasan tanaman ladang hutan adalah 15,000 hektar setahun. Dalam hal ini, seluas **17,121.88 hektar** ladang hutan telah berjaya dibangunkan iaitu **4.15%** melebihi sasaran.

Selain PPLH, Kerajaan juga menyediakan dana pinjaman untuk pembangunan tapak semaian bagi spesies ladang hutan. Pada tahun 2015, seluas **177.22 hektar** tapak semaian telah diluluskan yang melibatkan dana pinjaman sebanyak RM20.5 juta.

Isu dan cabaran berkaitan PPLH

Pembangunan ladang hutan perlu mematuhi sebarang dasar perhutanan sedia ada termasuk Pelan Induk Koridor Ekologi *Central Forest Spine* (CFS). Dalam hal ini, MPIC telah memastikan supaya kawasan perladangan hutan yang diluluskan selepas dasar CFS dikuatkuasakan, tidak bertindih dengan kawasan yang telah ditetapkan sebagai CFS.

CFS melibatkan 4 kompleks hutan utama iaitu:

- Banjaran Titiwangsa – Banjaran Bintang – Banjaran Nakawan
- Taman Negara – Banjaran Timur
- Tanah Lembap Pahang Tenggara, Tasik Chini dan Tasik Bera
- Taman Negara Endau Rompin – Rezab Hidupan Liar Kluang

1.3 Skim Pensijilan Kayu Malaysia (MTCS)

MTCC memulakan operasi pada tahun 1999 sebagai satu organisasi bebas bagi melaksanakan skim pensijilan kayu nasional di Malaysia, iaitu MTCS. Pelaksanaan MTCS secara sukarela (*voluntary*) mempunyai dua tujuan utama iaitu:



Menggalakkan amalan pengurusan hutan secara mampan di Malaysia



Industri kayu mengeluarkan dan mengeksport produk-produk kayu yang dianugerahkan pensijilan MTCS

Terdapat dua kategori pensijilan dianugerahkan kepada Unit Pengurusan Hutan (FMU) di Malaysia iaitu Sijil Pengurusan Hutan (Hutan Asli) dan Sijil Pengurusan Hutan (Ladang Hutan).

4.65 juta hektar 10 FMU dianugerahkan Sijil Pengurusan Hutan (Hutan Asli)

11,807 hektar 2 FMU dianugerahkan Sijil Pengurusan Hutan (Hutan Ladang)

Di samping itu, di bawah MTCS, sijil *Chain of Custody* juga dianugerahkan kepada syarikat pengeluar atau pengekspor kayu bagi produk kayu yang dihasilkan dengan menggunakan kayu balak yang diperoleh daripada FMU bersijil.

354
syarikat

Dianugerahkan
sijil *Chain of*
Custody

1.07 juta
meter padu


Produk kayu yang bersijil dan berlabel MTCC/PEFC telah diekspor ke 48 negara di seluruh dunia

Industri Koko

1.1 Prestasi Industri Pada Tahun 2015



Jumlah keluasan **18,150** hektar



Tahap produktiviti **0.15** tan sehektar



1,729 tan pengeluaran biji koko




Pengisaran biji koko sebanyak **187,595** tan

Harga Tertinggi Terendah

Harga harian tertinggi adalah pada paras RM10,802 se tan yang direkodkan pada 4 Mac 2011 manakala harga terendah pula adalah pada paras RM4,640 se tan yang dicatatkan pada 15 November 2005.

Harga biji koko di Raub dan Tawau masing-masing merekodkan penurunan sebanyak 6.5% dan 5.9% kepada RM7,956 se tan dan RM8,029 se tan.

Trend Harga Harian Biji Koko Bagi Tempoh 2005 hingga 2015 (RM/tan)



Sumber: LKM

Pada tahun 2015, eksport koko dan produk berasaskan koko adalah sebanyak RM5.03 bilion, peningkatan 4.9% berbanding RM4.8 bilion yang direkodkan pada tahun 2014.

Nilai Eksport Produk-Produk Koko (RM '000)

Produk	2014	2015	% Perubahan
Cocoa Beans	958,859	881,512	(8.1)
Cocoa Shell	953	637	(33.2)
Cocoa Butter	2,046,320	2,168,127	6.0
Cocoa Paste Not Defatted	362,053	411,859	13.8
Cocoa Paste, Wholley or Partly Defatted	56,170	74,011	31.8
Cocoa Powder	945,928	1,021,780	8.0
Chocolate	425,538	471,060	10.7
Jumlah	4,795,821	5,028,986	4.9

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)
() bermaksud penurunan

Eksport lemak koko merupakan penyumbang utama kepada keseluruhan eksport produk-produk koko iaitu sebanyak 43.1% atau RM2.2 bilion dan merekodkan peningkatan sebanyak 6% berikutan kenaikan harga nilai seunit kepada RM23,134 se tan berbanding RM19,913 se tan pada tahun 2014.

Negara-Negara Pengimport Utama Lemak Koko Malaysia



Amerika Syarikat
21.2% RM459.7 juta



Jepun
15.2% RM330 juta



Kanada
8.6% RM186.1 juta



China
8.4% RM182.6 juta



Australia
5% RM108.2 juta

Nilai import keseluruhan pada tahun 2015 adalah sebanyak RM4.2 bilion, penurunan sebanyak 1.3% berbanding tahun 2014 iaitu RM4.3 bilion. Nilai import biji koko adalah 63.6% atau RM2.7 bilion daripada keseluruhan import produk-produk berasaskan koko.


1.2 Pasaran Koko Dunia

Bagi tempoh 2014/15, pengeluaran biji koko dunia dianggarkan menurun sebanyak 3.9% kepada 4.2 juta tan berikutan keadaan cuaca kering yang menjejaskan pengeluaran di beberapa negara pengeluar utama di Afrika Barat. Pengisaran biji koko dunia turut menurun sebanyak 4.5% kepada 4.1 juta tan sekaligus mengakibatkan lebihan pengeluaran sebanyak 36 ribu tan.

Prospek

ICCO meramalkan ekonomi koko dunia pada tahun 2015/16 mengalami defisit pengeluaran sebanyak 96 ribu tan metrik berikutan penurunan pengeluaran di Cote d'Ivoire akibat cuaca kering. Harga biji koko Q1/2016 diramalkan terus berada pada paras RM8,000 - RM9,000 se tan.

Negara Pengeluar Biji Koko Utama Dunia 2014/15



1.3 Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)

Lembaga Koko Malaysia (LKM) telah menjalankan 75 projek R&D termasuk 2 projek dengan kerjasama agensi antarabangsa. Antara kejayaan utama adalah mengadakan perjanjian penyerahan hak pengkomersilan dua harta intelek (IP) produk penjagaan diri berasaskan koko (*Gel Toothpaste* dan *Oral Rinse*).

AKTIVITI-AKTIVITI R&D UTAMA LEMBAGA KOKO MALAYSIA




Industri Lada

1.1 Industri Lada Pada Tahun 2015



Jumlah keluasan **16,333** hektar



Tahap produktiviti **5.2** tan sehektar



28,300 tan pengeluaran lada




Anggaran **67,171** orang pekebun kecil lada

Berbanding dengan komoditi lain, purata harga tahunan lada hitam dan putih adalah stabil dan tertinggi yang pernah direkodkan iaitu masing-masing pada paras **RM28,031** dan **RM43,784 se tan**. Ini adalah berikutan kelembapan aktiviti dalam pasaran tempatan yang dipengaruhi oleh kekurangan bekalan lada. Pasaran yang lembap dipengaruhi oleh aktiviti pembelian secara berhati-hati.

Harga Tertinggi Terendah

Harga lada hitam dan putih masing-masing pada paras RM30,000 dan RM50,000 se tan yang direkodkan pada 3 September 2015 adalah yang tertinggi pernah dicatatkan dalam sejarah industri lada di Malaysia.

Trend Harga Harian Lada
Bagi Tempoh 2005 hingga 2015 (RM/Tan)



Sumber: MPB

Pada tahun 2015, jumlah eksport lada adalah sebanyak RM513.9 juta di mana Jepun merupakan destinasi eksport utama iaitu sebanyak 24.3% atau RM151.1 juta. Selain itu, nilai eksport ini adalah peningkatan sebanyak 27% daripada RM404.6 juta yang direkodkan pada tahun 2014 dan tertinggi yang pernah direkodkan dalam sejarah industri lada Malaysia.

Nilai Eksport Lada (RM '000)

Produk	2014	2015	% Perubahan
Black Pepper	300,551.87	376,851.19	25.4
White Pepper	103,395.07	136,121.89	31.7
Green Pepper	633.98	901.53	42.2
Jumlah	404,580.91	513,874.60	27.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

DESTINASI EKSPORT UTAMA LADA MALAYSIA PADA TAHUN 2015



Keanggotaan IPC

Ditubuhkan pada 1972 dan dianggotai oleh negara-negara pengeluar utama lada dunia seperti Brazil, India, Indonesia, Malaysia, Sri Lanka dan Vietnam sebagai ahli tetap manakala Papua New Guinea sebagai ahli bersekutu.

1.2 International Pepper Community (IPC)

Berdasarkan laporan daripada IPC, jumlah pengeluaran lada dari negara-negara pengeluar utama yang direkodkan pada tahun 2015 adalah sebanyak 407,158 tan, peningkatan 13.3% berbanding 359,403 tan yang direkodkan pada tahun 2014.

Walaupun terdapat peningkatan dalam pengeluaran dan stok lada yang dibawa ke hadapan, masih terdapat kekurangan bekalan lada dunia sebanyak 32,124 tan di pasaran global yang disebabkan oleh permintaan yang tinggi terhadap lada dunia pada tahun 2015 yang dianggarkan sebanyak 439,282 tan, peningkatan 3.5% berbanding 424,283 tan pada tahun sebelumnya.

Pengeluaran Dan Penggunaan Lada Dunia

Tahun	Pengeluaran	Penggunaan	Lebih / Kekurangan
2014	359,403	424,283	(64,880)
2015 ^a	407,158	439,282	(32,124)

Nota: ^a anggaran

Sumber: International Pepper Community (IPC)

1.3 Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)

Sepanjang tahun 2015, sebanyak 17 aktiviti R&D telah dijalankan oleh Lembaga Lada Malaysia (MPB) merangkumi bidang-bidang seperti berikut:

- biologi molekul
- kultur tisu
- pembiakan tumbuhan
- kawalan penyakit dan perosak
- agronomi
- amalan pertanian baik
- pembangunan makanan berasaskan makanan dan bukan makanan



No	Projek	Bidang
1.	<i>Development of Expressed Sequence Tag (EST) Database for Piper species</i>	<i>Molecular biology</i>
2.	<i>An assessment on yield and cuttings production of new pepper cultivation methods (W and V configurations)</i>	<i>GAP</i>
3.	<i>Cloning, characterization and expression studies of resistance genes in Piper species</i>	<i>Biotech</i>
4.	<i>Determination of the efficiency and efficacy of bio-chemical fertilizer on the Soil, Yield and Growth Performance of Black Pepper (Piper nigrum L.)</i>	<i>GAP</i>
5.	<i>Intervarietal cross to achieve high yielding pepper hybrid (Preliminary stage)</i>	<i>Breeding</i>
6.	<i>Feasibility study on propagation of pepper (Piper nigrum) root for commercialization</i>	<i>GAP</i>
7.	<i>Evaluation of Beauveria bassiana and Metarhizium anisopliae biopesticide formulations against black pepper weevil, Lophobaris piperis marshall</i>	<i>Crop Protection</i>
8.	<i>Development of microsatellite markers for black pepper (Piper nigrum L.)</i>	<i>Tissue culture</i>
9.	<i>Studying soil improvement through natural farming (NF) of black pepper grown on marginal land in Sarawak</i>	<i>GAP</i>
10.	<i>Biotechnology approach toward improving the yield of Piper nigrum</i>	<i>Biotech</i>
11.	<i>Induced mutagenesis in Piper nigrum cv. Kuching using gamma rays and detection of DNA polymorphism through ISSR marker</i>	<i>Mutation breeding</i>
12.	<i>Technology Transfer and Product Commercialization</i>	<i>Food product development</i>
13.	<i>Potential use of Piper nigrum extract and development of pepper based product</i>	<i>Non-food product development</i>
14.	<i>Optimizing starch content extraction method derived from pepper waste</i>	<i>Non-food product development</i>
15.	<i>Bioassay-guided isolation and identification of active wound healing fraction from Piper nigrum L. berries extract</i>	<i>Non-food product development</i>
16.	<i>The impact of organic fertilizer (Biojadi) application to black pepper production in Johor pepper farms: a case study</i>	<i>Agronomy</i>
17.	<i>Kenaf based composite post for pepper cultivation</i>	<i>Agronomy</i>

Industri Kenaf

Penanaman kenaf pada tahun 2015 adalah seluas **2,798 hektar**, di mana 29.6% atau 829 hektar daripadanya adalah di Pahang. **Pengeluaran batang kering kenaf** yang direkodkan adalah sebanyak **11,602 tan**, peningkatan sebanyak 53.2% berikutan permintaan domestik yang meningkat.

PRESTASI INDUSTRI KENAF PADA TAHUN 2015



Penglibatan sektor swasta
15 buah syarikat kenaf



Mewujudkan **100** peluang pekerjaan di peringkat pengurusan dan operasi pengilangan



Jumlah nilai eksport
RM0.83 juta. Bagi pasaran tempatan, 450 tan kenaf dengan nilai RM0.31 juta berjaya dipasarkan



601 tan fiber dieksport ke China terutamanya Wilayah Shanghai dan Guangdong

Sebanyak **18 kajian R&D** bagi kenaf telah dijalankan sepanjang tahun 2015. Antara projek R&D yang dilaksanakan antara lain seperti berikut:

- pembangunan benih induk kenaf
- pembangunan gred dan standard kenaf
- pembangunan jentera penuaian
- pembangunan produk tilam berasaskan kenaf

Usaha meningkatkan pasaran eksport kenaf melalui:

- melaksanakan pemadanan perniagaan industri dengan agensi kerajaan bagi mewujudkan *captive market*
- kerjasama dua hala dengan pengeksport
- menarik pelaburan dari negara luar untuk mewujudkan industri berasaskan kenaf di Malaysia

KERJASAMA ANTARABANGSA



Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA)

Rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) diketuai oleh Kementerian Industri dan Perdagangan Antarabangsa (MITI) selaku ketua delegasi manakala Kementerian atau Jabatan yang berkaitan turut terlibat sebagai wakil delegasi Malaysia mengikut bidang-bidang tertentu. Penglibatan MPIC adalah dalam kumpulan-kumpulan kerja adalah seperti berikut:

Trade in Goods (TIG) / Market Access (MA)

- Merupakan kumpulan kerja yang membincangkan mengenai liberalisasi perdagangan barangan, antara lain dari segi pengurangan/ penghapusan duti import/ eksport dan *Tariff Rate Quota*, penghapusan halangan bukan tarif dan subsidi
- Rundingan di bawah TIG akan melibatkan dua bahagian iaitu jadual pengurangan tarif dan teks perundangan

Peraturan Tempasal / Rules Of Origins (ROO)

- Merupakan kumpulan kerja yang membincangkan penetapan peraturan tempasal bagi sesuatu produk untuk membolehkan produk berkenaan menerima pengurangan tarif di bawah FTA yang ditandatangani
- Peraturan Tempasal bagi sesuatu produk boleh dikira sama ada melalui kandungan bahan tempatan (*Regional Value Content*) atau perubahan proses yang dikenal pasti melalui perubahan kod HS (*Change in Tariff Classification*)
- Rundingan di bawah ROO akan melibatkan dua bahagian iaitu Jadual *Product Specified Rules* (PSR) dan teks perundangan

Alam Sekitar

- Kumpulan kerja alam sekitar akan membincangkan mengenai jenis kerjasama yang berhubung kait dengan perdagangan dan alam sekitar di dalam Perjanjian FTA selain peranan perdagangan untuk membantu memelihara dan meningkatkan kesedaran masyarakat berhubung isu alam sekitar



1.1 Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia – Turki (MTFTA)

Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Turki (MTFTA) telah berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2015 di mana ianya telah mula dirunding oleh kedua-dua negara semenjak tahun 2010 dan ditandatangani pada tahun 2015. Antara kandungan MTFTA adalah seperti berikut:

- **Pengekalkan cukai eksport sedia ada** yang dikenakan ke atas produk komoditi seperti minyak sawit mentah, minyak isirung sawit mentah dan kayu balak
- Penghapusan tariff serta merta ke atas produk-produk komoditi terpilih dijangka dapat memberi kelebihan kepada pengeksport Malaysia berbanding dengan negara-negara pesaing seperti Indonesia, Vietnam dan Thailand.



ANTARA PRODUK-PRODUK YANG MENDAPAT PENGURANGAN DAN PENGHAPUSAN CUKAI SERTA MERTA OLEH TURKI



Minyak sawit dan Minyak Isirung Sawit

- **Pengurangan** cukai sebanyak **30%** secara *one-off*
- Kadar cukai semasa adalah 12% hingga 31.2%
- Selepas pengurangan, pengeksporth Malaysia perlu membayar duti import sebanyak 8.4% hingga 21.84%

Lada

- **Pengurangan** cukai sebanyak **30%** secara *one-off*
- Kadar cukai semasa adalah 30% hingga 75%
- Selepas pengurangan, pengeksporth Malaysia perlu membayar duti import sebanyak 21% hingga 56.2%



Produk-produk Koko

- **Serbuk koko, pes koko** dan **cocoa butter** telah mendapat **penghapusan cukai serta merta**
- **Produk koko yang mengandungi gula** telah diberikan pengurangan cukai secara *one-off* di mana **cukai ad valorem** telah dihapuskan **100%** dan **cukai spesifik** dikurangkan sebanyak **20%**

Produk Tembakau

- **Daun Tembakau** telah diletakkan dalam **Senarai Pengecualian** (tiada penghapusan cukai)
- **Rokok dan cerut** telah diberikan **penghapusan cukai serta merta**



Produk-produk Getah

- **Penghapusan cukai serta merta** bagi semua produk-produk getah

Produk Kayu dan Perabot Kayu

- **Penghapusan cukai serta merta** bagi semua produk kayu dan perabot




1.2 Trans-Pacific Partnership Agreement (TPPA)



Eksport ke TPP

Jumlah eksport ke negara-negara TPP adalah 29.6% daripada jumlah eksport produk-produk komoditi pada tahun 2015.



ANTARA PRODUK-PRODUK KOMODITI YANG MENDAPAT PENGURANGAN DAN PENGHAPUSAN CUKAI SERTA MERTA DARIPADA NEGARA-NEGARA TPP


Minyak sawit dan Produk Berasaskan Sawit



- **Australia, Chile** dan **Singapura** menawarkan **penghapusan tarif sepenuhnya**
- **Canada, Amerika Syarikat, Jepun** dan **Vietnam** menawarkan penghapusan tarif dalam tempoh **5 hingga 11 tahun**
- **Mexico** mengenakan **kuota tahunan** terhadap minyak sawit

Produk Kayu Kayan

- Hampir kesemua negara TPP memberikan **penghapusan tarif sepenuhnya** kepada produk kayu kayan sama ada pada tarikh kuat kuasa atau dalam tempoh 10 tahun
- **Jepun** mengenakan **kuota progresif** tahunan bagi produk **papan lapis**



Produk-produk Getah



- **Singapura, Amerika Syarikat, Canada** dan **New Zealand** menawarkan **penghapusan tarif serta merta** terhadap semua jenis produk-produk getah
- Dalam tempoh **4 hingga 16 tahun**, kesemua produk-produk getah akan mendapat **penghapusan tarif daripada kesemua negara TPP**

Produk-produk Koko

- **Australia, Brunei, Chile** dan **Singapura** menawarkan **penghapusan tarif serta merta**
- Negara-negara lain mengenakan **penghapusan tarif secara berperingkat** dalam tempoh **5 hingga 11 tahun**
- **Jepun** menawarkan **penghapusan tarif** sebanyak **20% daripada jumlah barisan tarif** produk-produk koko dan menetapkan **kuota tahunan** bagi beberapa produk



Produk-produk Lada



- **Kesemua negara TPP** menawarkan **penghapusan tarif serta merta** terhadap produk-produk lada

Produk-produk Tembakau

- **Kesemua negara TPP** menawarkan **penghapusan tarif serta merta** terhadap produk-produk tembakau
- **Vietnam** mengenakan **penghapusan tarif berfasa** dan **kuota tahunan**



1.3 Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP)

Proses pembentukan Kawasan Perdagangan Bebas yang melibatkan **ASEAN dan 6 negara rakan dagang** iaitu China, Jepun, Korea Selatan, India, Australia dan New Zealand

Dijangka melibatkan **44%** daripada perdagangan global dengan **gabungan GDP sebanyak USD17.23 trilion**


Dijangka memberi peluang kepada Malaysia untuk **merunding semula** pengurangan atau penghapusan tarif bagi produk-produk komoditi seperti produk sawit daripada India



Jumlah eksport komoditi ke negara-negara RCEP adalah sebanyak RM56.2 bilion

Eksport ke RCEP

Jumlah eksport ke negara-negara RCEP adalah 48% daripada jumlah eksport produk-produk komoditi pada tahun 2015.



Misi Ekonomi dan Teknikal

Kementerian telah mengadakan beberapa siri misi ekonomi dan teknikal dalam usaha meluaskan pasaran produk-produk komoditi selain memperkukuh hubungan dua hala di beberapa negara terpilih.

Bil.	Tarikh	Misi	Hasil
1	25 - 28 Mei 2015	Lawatan kerja dan misi teknikal kayu-kayan ke Thailand	MTIB dan FPDSB sedang melaksanakan kajian kesesuaian tanaman spesies <i>eucalyptus</i> di bawah PPLH berikutan hasil kajian Thailand terdapat variasi <i>eucalyptus</i> yang sesuai ditanam di Malaysia.
2	6 - 7 Ogos 2015	Lawatan kerja dan misi <i>Palm Oil Trade Fair and Seminar</i> (POTS) Philippines 2015	Memperkukuhkan kerjasama antara Malaysia dan Filipina bagi industri hiliran sawit seperti penyelidikan, penghasilan dan pemasaran produk-produk hiliran sawit.
3	10 - 14 September 2015	Misi ekonomi dan promosi sawit dan kayu-kayan ke Republik Rakyat China (RRC)	Memperkukuhkan peranan Palm Oil Research & Technical Service Institute of MPOB (PORTSIM) di Shanghai bagi menjalankan kajian-kajian bersama institut penyelidikan di RRC ke arah meyakinkan dan mempelbagaikan penggunaan minyak sawit di RRC. Pavilion Malaysia di <i>Furniture China Exhibition</i> 2015 yang dianjurkan oleh Majlis Kayu-Kayan Malaysia telah mencatatkan jualan bernilai RM36 juta yang meliputi jualan serta-merta sebanyak RM10.82 juta.
4	11 – 16 Oktober 2015	Misi ekonomi dan promosi sawit ke Amerika Syarikat	Penganjuran seminar seperti <i>Global Oils and Fats Forum</i> (GOFF) memberikan kesan positif dalam usaha mempromosikan minyak sawit Malaysia di Amerika Syarikat.

Persidangan dan Mesyuarat Antarabangsa

Kementerian terlibat secara aktif dalam mesyuarat-mesyuarat peringkat antarabangsa yang membincangkan secara khusus perkembangan semasa industri komoditi di negara-negara pengeluar utama.

1.1 Jawatankuasa Bersama Malaysia – Belanda

Mesyuarat dua hala antara Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi dengan Menteri Pertanian Belanda di Malaysia pada 12 Jun 2014 telah bersetuju untuk menubuhkan **Malaysia-The Netherlands JWG on Timber and Commodities**. JWG menyediakan platform untuk membincangkan isu-isu yang mempunyai kepentingan bersama dalam memudahkan perdagangan bagi produk-produk kayu-kayan dan lain-lain produk komoditi. Selain itu, perbincangan mengenai **isu-isu kemampanan dan pensijilan produk-produk komoditi**, dan lain-lain bidang yang dipersetujui bersama turut akan dibincangkan. JWG ini dipengerusikan bersama oleh **YB Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan Menteri Pertanian dan Hal Ehwal Ekonomi Belanda**.



Platform bagi mengukuhkan kerjasama dalam bidang komoditi



Menangani isu-isu berkaitan akses pasaran dan menambahbaik peluang eksport produk-produk komoditi



Mesyuarat kali ke-2 telah diadakan pada 7 hingga 9 Julai 2015 di Kuala Lumpur yang diketuai oleh YB Menteri MPIC dan Menteri Ehwal Ekonomi Belanda



Isu berkaitan penerimaan pensijilan *Malaysian Timber Certification Scheme* (MTCS) dan usaha memperkukuhkan imej dan pasaran produk sawit di pasaran Belanda telah dibincangkan

1.2 Sektor Sawit

Council of Palm Oil Producing Countries (CPOPC)

Malaysia dan Indonesia sebagai negara pengeluar utama sawit telah bersetuju untuk memperkukuhkan kerjasama dalam industri ini melalui penubuhan CPOPC. Kedua-dua negara telah menandatangani Piagam Penubuhan CPOPC pada 21 November 2015 sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27 di Kuala Lumpur dan merupakan negara pengasas penubuhan CPOPC.

CPOPC menyediakan landasan bagi negara-negara penanam sawit untuk bekerjasama bagi menangani isu-isu seperti kempen anti minyak sawit, halangan perdagangan dan mempromosi imej dan kebaikan minyak sawit dari aspek kesihatan.



Menggalakkan konsultasi dalam pembangunan industri sawit di kalangan *stakeholders* di negara-negara yang mengusahakan tanaman sawit



Memperkukuh kebajikan pekebun kecil sawit



Membangun dan menubuhkan kerangka global prinsip minyak sawit mampan



Menggalakkan kerjasama dan pelaburan dalam pembangunan Zon Industri Minyak Sawit yang mampan dan mesra alam



Menangani halangan - halangan perdagangan minyak sawit




Kerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan, dan latihan



Melaksanakan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian demi kepentingan industri sawit

1.3 Sektor Getah

Association of Natural Rubber Producing Countries (ANRPC)



Dianggotai oleh **11 buah negara pengeluar getah asli dunia** iaitu China, India, Indonesia, Filipina, Kemboja, Malaysia, Papua New Guinea, Singapura, Sri Lanka, Thailand dan juga Vietnam

Objektif utama adalah **menyelaras pengeluaran dan pemasaran getah asli** termasuk menggalakkan kerjasama teknikal antara negara-negara ahli

Pada tahun 2015, Malaysia telah menjadi Tuan Rumah kepada Sesi Khas Perhimpunan ANRPC Peringkat Menteri yang telah diadakan pada 7 dan 8 Mei 2015. Antara hasil mesyuarat adalah seperti berikut:

- Negara-negara ANRPC akan menyediakan langkah-langkah strategik bagi mengukuhkan harga getah asli
- Sekretariat ANRPC akan mengkaji kaedah untuk mengimbangi permintaan dan penawaran getah asli
- Negara-negara ahli bersetuju akan penglibatan sektor swasta bagi mendapatkan input untuk menangani masalah ketidakstabilan harga getah asli
- Meneroka kemungkinan penubuhan sebuah *platform* perdagangan getah asli yang menghubungkan semua sistem sedia ada di negara-negara ANRPC. Penubuhan *platform* adalah bagi mendapatkan harga sebenar getah asli yang menggambarkan harga kos sebenar berdasarkan penawaran dan permintaan

International Tripartite Rubber Council (ITRC)



International Tripartite Rubber Council (ITRC)



Penyertaan Vietnam

Persetujuan awal Vietnam untuk menyertai ITRC sebagai rakan strategik dan bakal menyumbang kepada 74% pengeluaran getah asli dunia.

Malaysia telah menjadi Tuan Rumah bagi Mesyuarat Peringkat Pegawai Ke-25, *International Tripartite Rubber Council* (ITRC) dan Mesyuarat-Mesyuarat Peringkat Jawatankuasa di Kuala Lumpur dari 7 hingga 11 September 2015.

Antara hasil mesyuarat adalah seperti:

- Mengukuhkan sistem statistik sedia ada melalui kerjasama bersama bekerjasama dengan *Association of Natural Rubber Producing Countries* (ANRPC)
- Skim Promosi dan Permintaan (DPS) diperkenalkan bagi menggalakkan penggunaan getah asli domestik di kalangan negara-negara ITRC
- Pertukaran maklumat mengenai hasil penyelidikan dalam penghasilan produk-produk baru termasuk produk-produk mesra alam

1.4 Sektor Kayu Kayan



Sesi Ke-51 *International Tropical Timber Council (ITTC) and Associated Sessions of Committees* di Kuala Lumpur

Malaysia menyertai *International Tropical Timber Organization* (ITTO) semenjak ianya ditubuhkan pada tahun 1983. ITTO ditadbir melalui *International Tropical Timber Agreement*. ITTO kini dianggotai oleh 72 buah negara pengeluar dan pengguna kayu tropika di dunia. Peranan Malaysia dalam ITTO adalah untuk menjaga kepentingan negara dalam aspek:

- Polisi berkaitan pengurusan hutan secara mampan dan konservasi alam sekitar dalam meningkatkan perdagangan kayu tropika;
- Mendapatkan maklumat mengenai pasaran antarabangsa dan perkongsian maklumat dan kerjasama yang telus di kalangan negara-negara ahli ITTO dalam menangani isu-isu berkaitan perhutanan dan industri kayu;
- Merancang strategi meningkatkan eksport kayu dan produk kayu tropika dari sumber yang diurus secara mampan; dan
- Rundingan, kerjasama antarabangsa dan pembangunan polisi berkaitan perhutanan dan industri kayu.

Pada tahun 2015, Malaysia telah menjadi Tuan Rumah bagi Sesi Ke-51 *International Tropical Timber Council (ITTC) and Associated Sessions of Committees* di Kuala Lumpur bermula 15 sehingga 23 November 2015. Dalam sesi ini, Malaysia telah membentangkan intervensi berkaitan pembangunan sektor kayu-kayan tropika dunia dan mengutarakan pandangan dalam beberapa isu penting seperti garis panduan pengurusan hutan tropika semula jadi secara mampan, dan isu berkaitan perdagangan kayu-kayu tropika serta pengurusan ITTO.

Malaysia juga telah dilantik sebagai Pengerusi, *Oversight Committee* dan Naib Pengerusi, *Committee on Financial Accounts* bagi sesi 2016 yang bertanggungjawab untuk mengawal selia pengurusan dan pemantauan kewangan ITTO.

Asia-Pacific Economic Cooperation Experts Group on Illegal Logging and Associated Trade Meeting (EGILAT)



EGILAT telah ditubuhkan pada tahun 2011, sebagai platform bagi negara anggota untuk mengukuhkan dasar dalam memerangi pembalakan haram dan perdagangan kayu-kayan serta produk-produk kayu-kayan haram.

EGILAT juga menyediakan platform kepada ahli-ahli untuk berkongsi maklumat dan amalan terbaik dalam membangun dan melaksanakan sistem jaminan kesahan (legality assurance system) dalam usaha memastikan supaya produk kayu-kayan adalah daripada sumber yang sah.

Mesuarat Working Group Pan ASEAN Timber Certification Initiative (WG-PATCI) ke-14

WG-PATCI telah ditubuhkan pada tahun 2002 bertujuan membincangkan isu-isu dan inisiatif berkaitan pelaksanaan pensijilan hutan dan kayu-kayan di Negara ASEAN.

Malaysia sebagai negara utama *Working Group Pan ASEAN Timber Certification Initiative* (WG-PATCI) telah merasmikan mesyuarat ini di Filipina pada Jun 2015.



MPIC telah berkongsi pengalaman dalam pelaksanaan skim pensijilan kayu (MTCS), perkembangan terkini dalam rundingan Forest Law, Enforcement, Governance and Trade Voluntary Partnership Agreement (FLEGT-VPA) dan kejayaan dalam melaksanakan Sustainable Forest Management (SFM).

1.5 Mesyuarat ASEAN Cocoa Club



LKM selaku penyelaras *ASEAN Cocoa Club* (ACC) telah menganjurkan Mesyuarat Ke-18 Kumpulan Kerja Koko Di Bawah Skim Promosi Bersama ASEAN Dalam Bidang Pertanian dan Perhutanan ASEAN Cocoa Club pada 7 hingga 8 Mei 2015 di Thailand.

Seramai 56 delegasi dari agensi kerajaan dan sektor swasta dari 8 buah negara ASEAN telah menghadiri mesyuarat tersebut.

Antara kemajuan yang telah dibentangkan adalah seperti berikut:

- *Tariffs and Non-Tariffs Barriers on Cocoa Beans and Cocoa Products*
- *Technical Working Group on Good Agriculture Practices dan Technical Working Group on Food Safety*

Projek-projek usahasama dalam bidang penyelidikan yang telah dibentangkan adalah:

- *Proposed Trial on Selected Cocoa Progenies in Selected ASEAN Regions*
- *Project on Pest and Diseases (P&D) Management dan Training and Exchange of Technical Expertise*
- *Research Materials*

1.6 Promosi Luar Negara Lembaga Lada Malaysia

Bil	Perkara	Negara	Tarikh
1	<i>18th International Exhibition of Food Ingredients, Additives and Flavourings</i>	Russia	17 - 19 Mac 2015
2	Misi Promosi Kelapa Sawit, Getah dan Lada	Korea Selatan	26 - 29 April 2015
3	<i>HOFEX 2015 (The 16th International Exhibition of Food & Drink, Hotel, Restaurant & Foodservice Equipment, Supplies & Services)</i>	Hong Kong	6 - 9 Mei 2015
4	10TH THAIFEX – <i>World of Food Asia</i> 2015	Thailand	20 - 24 Mei 2015
5	<i>International Pepper Conclave</i>	China	25 - 26 Jun 2015
6	BBC <i>Good Food Show Winter</i> , NEC Birmingham.	United Kingdom	26 - 29 November 2015
7	<i>43rd Session and Meetings of IPC</i>	India	22 - 25 November 2015
8	<i>Global Food Marketplace - Salon International de l'alimentation (SIAL 2015) – The Middle Eastern Food & Exhibition Centre</i>	United Arab Emirates (UAE)	7 - 9 Disember 2015

KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI)

National Key Economic Area (NKEA)

Untuk menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020, Kerajaan pada bulan Oktober 2010 telah melancarkan Program Transformasi Ekonomi (ETP) bagi meningkatkan pendapatan per kapita daripada USD6,700 (RM23,700) pada tahun 2009 kepada USD15,000 (RM48,000) pada tahun 2020. Peningkatan ini dapat dicapai melalui pertumbuhan pendapatan negara kasar (GNI) sebanyak 6% setahun sehingga 2020.

12 Bidang Ekonomi Utama Negara

NKEA

NKEA ditakrifkan sebagai pemacu aktiviti ekonomi yang berpotensi untuk menyumbang secara langsung dan material kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia. Malaysia akan menumpukan usaha-usaha pertumbuhan ekonomi pada NKEA.



Sumber: PEMANDU

Komoditi **sawit** dan **getah** telah dikenalpasti sebagai antara penyumbang utama kepada keberhasilan negara. Ini dibuktikan dengan sumbangan kepada jumlah eksport barangan negara sebanyak **11.3%** pada tahun 2015.

Seiring dengan era globalisasi dan selaras dengan hasrat Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), kedua-dua sektor ini berkembang dengan penghasilan produk-produk bernilai tambah tinggi. Selain itu, usaha-usaha juga telah diambil bagi meningkatkan tahap produktiviti tanaman sekaligus dapat meningkatkan pendapatan para pengusaha terutamanya pekebun kecil.



Pencapaian prestasi pada tahun 2015 adalah 105%

Antara KPI NKEA Sawit yang berjaya mencapai sasaran yang cemerlang adalah:

NKEA Sawit & Getah



RM230.9 bil
Pendapatan Negara Kasar (PNK) menjelang tahun 2020



Mewujudkan
41,600 peluang pekerjaan

- EPP5 : *Progress of 2 new mills with biogas plant connected to the grid* **250%**
- EPP3 : *New area of plantations/smallholders complying with COP / MSGAP / RSPO / MSPO* **195%**
- EPP3 : *Number of ICOPM 2.0 entries* **149%**
- EPP2 : *Total FFB sold to mills by all cooperatives by year end* **147%**

Manakala KPI NKEA Getah yang berjaya mencapai sasaran yang cemerlang adalah:

- EPP9 : *Malaysian Export Revenue from Latex Products* **112%**
- EPP8 : *Area of replanting and new planting by rubber smallholders* **102%**

Prestasi KPI NKEA dan MKRA Pada Tahun 2015

KPI	Target 2015	Actual Achievement	Score	Weightage
Assessment of Qualitative Criteria				10%
NKEA: Overall				10%
1. Overall GNI (RM bil)	1,152.05	1,124.7	98%	
2. Individual NKEA GNI (RM bil)	90.9	61	67%	
3. Overall Private Investment (RM bil)	218.68	198.7	91%	
4. Overall Jobs / Employment ('000)	15,257	13,896	91%	
Category scores			9%	
NKEA : Sawit dan Getah				50%
1. EPP1: Accelerate the replanting of oil palm				
1.1 Area of replanting and new planting approved for smallholders (ha)	8,550 (capped at 100%)	100	100%	
1.2 Area of replanting and new planting implemented by smallholders (ha)	15,000	15,798	105%	
2. EPP2: Improving FFB Yield				
2.1 Total FFB sold to mills by all cooperatives by year end (MT)	26,800	39,330.38	147%	
2.2 Number of new cooperatives that commence selling of FFB to mills	5	5	100%	
3.3 New area of plantations/smallholders complying with COP/MSGAP/RSPO/ MSPO (ha)	250,000	486,775.38	195%	
2.4 National Average Yield (MT/ha/yr)	19.56	18.49	95%	
2.5 National FFB Production (million MT)	98	98.34	100%	
3. EPP3: Improving Workers' Productivity in Plantations and Estates				
3.1 Number of ICOPM 2.0 entries	70	104	149%	

KPI	Target 2015	Actual Achievement	Score	Weightage
4. EPP4: Increasing the Oil Extraction Rate				
4.1 Number of Palm Oil Mills certified by MPOB for Code of Practice and other international certifications	25	23	92%	
4.2 Oil Extraction Rate (%)	21.05	20.46	97%	
5. EPP5: Developing Biogas facilities at Palm Oil Mills				
5.1 Progress of biogas plant construction for 8 new mills (%)	100	112.5	113%	
5.2 Progress of 2 new mills with biogas plant connected to the grid (%)	100	250 5 mills with biogas plant connected to grid	250%	
6. EPP6: Developing Oleo-Derivatives				
6.1 Take up rate of the pre-commercialization and technology acquisition funds (%)	100	74.309 Grant Allocation: RM41.256 m i) Project A: RM12.598 m ii) Project B: RM8.290 m iii) NOC: RM9.769 m to EPP 8 for 2016	74%	
7. EPP8: Expediting growth of Food and Health-based downstream segment				
7.1 Take up rate of funds for food and health-based products (%)	100	5.5 Grant Allocation: RM30 m i) Clinical Trial A: RM1.655 m	6%	
8. Rubber EPP1: Ensuring sustainability of the upstream rubber industry				
8.1 Area of replanting and new planting by rubber smallholders (ha)	44,641	45,713	102%	
9.2 Malaysian Export of Natural Rubber and Compound Rubber (mil mt)	1.3	1.0	77%	
9. Rubber EPP2: Increasing world market share of latex gloves to 65%				
9.1 Malaysian Export Revenue from Latex Products (RM bil)	13	14.5	112%	
10. Rubber EPP3: Commercialising Ekoprena and Pureprena				
10.1 Sales of Ekoprena and Pureprena (mt)	700 tonnes	646	92%	
Category scores			56%	

KPI	Target 2015	Actual Achievement	Score	Weightage
Ministerial Key Result Areas (MKRA)				30%
1. Implementation of B7 nationwide				
1.1 Percentage completion of biodiesel blending facilities in Sarawak; (i) Kuching; (ii) Tanjung Manis; and (iii) Bintulu	100% (by Sept 2015)	100	100%	
2. New Planting of Cocoa Crops				
2.1 New area of cocoa planting (ha)	2,000	1,718	86%	
2.2 Number of seedlings for production of cocoa planting material/ seedling	2,000,000	1,718,000	86%	
3. Promote Downstream Participation in the Cocoa Industry				
3.1 Number of new cocoa entrepreneurs produced in 2015	25	25	100%	
4. Developing new planting area for pepper				
4.1 New area of pepper planting (ha)	300	300	100%	
5. Implementation of Government Project: Establishment of commercial Forest Plantations				
5.1 New area of forest plantation (ha)	15,000	17,121.88	114%	
6. Resolving AuG Report Issues				
6.1 Percentage of resolution of cases highlighted in AuG Report Series 1-3 2013 successfully dealt with within 1 year after being tabled in Parliament	85%	83	98%	
7. Bumiputera Economic Empowerment Agenda				
7.1 Percentage of achievement on Bumiputera Economic Empowerment Agenda	100%	111.3	111%	
Category scores			30%	
Sum of Scores (90%)			94%	
Technical Score (100%)			105%	

PEMERKASAAN EKONOMI BUMIPUTERA

Agenda Pemerkasaan Bumiputera

1.1 Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB)


Ditubuhkan pada September 2013, Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) menggantikan Majlis Tindakan Agenda Bumiputera (MTAB) dan berfungsi sebagai badan pemantau pelaksanaan Agenda Bumiputera.

Majlis ini dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dan bersidang pada setiap bulan.

5 FOKUS / TERAS UTAMA PEMERKASAAN EKONOMI BUMIPUTERA

"Agenda pemerkasaan ekonomi bumiputera merupakan satu agenda nasional yang bertujuan untuk memperkukuh dan memperhebatkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara"

Perutusan YAB Perdana Menteri dalam Laporan Pencapaian Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera 2015



Agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB) dilaksanakan di peringkat Kementerian semenjak tahun 2014. Sebuah Jawatankuasa Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (JK PEB) telah ditubuhkan dalam memastikan semua aspek perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan pelaporan inisiatif PEB di kementerian dilaksanakan secara berkesan.

1.2 KPI Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (KPI PEB)


Pada tahun 2015, Kementerian telah menetapkan **10** Petunjuk Prestasi Utama (KPI) PEB yang dilaksanakan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian. Berdasarkan skor purata pencapaian KPI PEB bagi *Ministerial Key Result Area* (MKRA) 2015, MPIC mencapai **111.4%** bagi 10 KPI yang telah ditetapkan.

No.	Fokus Teras PEB	Program/ Projek	KPI	Sasaran	Penambahan Nilai / RM
1	Mendaya modal insan (Sektor Kayu Kayan)	Program Peningkatan Dayaasaing Usahawan SME Bumiputera oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)	Peningkatan bilangan usahawan SME dalam kategori SCORE 3 star ke atas	Penambahan 10 orang usahawan SME dalam kategori SCORE 3 star ke atas	RM10 juta anggaran nilai jualan dijangka diperolehi oleh 10 usahawan SME yang dalam kategori SCORE 3 star ke atas
2	Mendaya modal insan (Sektor Koko)	Program Pemerkasaan Usahawan Mikro Koko oleh Lembaga Koko Malaysia (LKM)	Peningkatan bilangan usahawan mikro koko	Penambahan 24 usahawan didaftarkan sebagai usahawan coklat Tahap 1	Peluang pendapatan tambahan minimum RM18,000 setahun/seorang kepada tambahan 24 usahawan mikro koko baharu
3	Memperhebat keusahawanan dan perniagaan (Sektor Sawit)	Program Pemerkasaan Pengusaha Tapak Semaian Bumiputera oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)	Bilangan pengusaha tapak semaian Bumiputera yang mengeluarkan sekurang-kurangnya 50,000 anak benih sawit yang mematuhi <i>Oil Palm Nursery Certificate of Competency</i> (OPNCC) tahun/ pengusaha tapak semaian	3 pengusaha tapak semaian yang mengeluarkan sekurang-kurangnya 50,000 anak benih sawit yang mematuhi <i>Oil Palm Nursery Certificate of Competency</i> (OPNCC) tahun/ pengusaha tapak semaian	Perolehan sebanyak RM600,000 setahun/ pengusaha tapak semaian
4	Memperhebat keusahawanan dan perniagaan (Sektor Sawit)	Program Pembangunan Peniaga Buah Tandan Segar (BTS) Bumiputera oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)	Bilangan peniaga BTS Bumiputera yang menjalankan urusniaga sebanyak 500 tan/bulan	20 peniaga BTS yang menjalankan urusniaga sebanyak 500 tan BTS sebulan menggunakan modal sendiri/modal berfaedah rendah	Pendapatan sebanyak RM20,000/ bulan/peniaga BTS

No.	Fokus Teras PEB	Program/ Projek	KPI	Sasaran	Penambahan Nilai / RM
5	Memperhebat keusahawanan dan perniagaan (Sektor Getah)	Program pembangunan usahawan Bumiputera dalam pemasaran getah oleh Lembaga Getah Malaysia (LGM)	Peningkatan usahawan <i>dealer</i> getah yang berjaya memperkukuhkan kapasiti pembelian getah daripada lima (5) tan kepada 10 tan sebulan	10 orang <i>dealer</i> getah dengan kapasiti pembelian getah sebanyak 10 tan sebulan	Peluang pendapatan minimum RM48,000 setahun/ seorang kepada 10 orang <i>dealer</i> getah
6	Memperhebat keusahawanan dan perniagaan (Sektor Getah)	Usahawan nurseri menggunakan mekanisasi moden untuk meningkatkan pengeluaran bahan tanaman oleh Lembaga Getah Malaysia (LGM)	Pengujudan tiga (3) orang usahawan nurseri menggunakan mekanisasi moden	3 orang usahawan nurseri	Penambahan 3 orang usahawan nurseri dengan mekanisasi moden
7	Memperhebat keusahawanan dan perniagaan (Sektor Kayu Kayan)	Peningkatan Kapasiti Pengeluaran di Kilang Kayu SME Bumiputera oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)	Peningkatan bilangan usahawan Bumiputera yang mengaplikasi mesin berteknologi	25 usahawan baharu mengaplikasi mesin berteknologi	Penambahan 25 usahawan baharu
8	Memperhebat keusahawanan dan perniagaan (Sektor Kayu Kayan)	Pembangunan Pemasaran Eksport Bumiputera oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)	Peningkatan bilangan pengeksport Bumiputera	Penambahan 2 pengeksport	Pertambahan 2 pengeksport mampu diwujudkan Pertambahan RM20 juta dalam nilai eksport mampu diperolehi
9	Memperhebat keusahawanan dan perniagaan (Sektor Lada)	Program Pemerksaan Keusahawanan oleh Lembaga Lada Malaysia (MPB)	Menggalakkan dan meningkatkan bilangan pekebun kecil lada untuk menanam sehingga 1 ha (2,000 pokok)	1,000 pekebun kecil menambah keluasan penanaman sehingga 1 ha	Seramai 611 pekebun kecil lada menambah keluasan penanaman sehingga 1ha RM900 penambahan pendapatan sebulan
10	Memperhebat keusahawanan dan perniagaan (Sektor Kenaf)	Program Usahawan Pusat Pemprosesan Kenaf Insitu (PPKI) oleh Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN)	3 Usahawan PKPI yang menguruskan pusat pemprosesan batang kenaf di <i>Raw Material Collecting Centre</i> (RMCC)	3 Usahawan PKPI	RM1.5 juta nilai pendapatan yang mampu diperolehi oleh 3 usahawan PKPI

PEMERKASAAN
PEKEBUN KECIL DAN
USAHAWAN KECIL
DAN SEDERHANA
(PKS)

Statistik Pekebun Kecil Tahun 2015



Seramai **603,746** orang pekebun kecil yang terlibat pada tahun 2015




1.53 juta hektar atau **22.5%** daripada jumlah keluasan tanaman komoditi



Menjana pendapatan bersih bulanan sehingga **RM2,200**

Pada tahun 2015, terdapat seramai 603,746 orang pekebun kecil sektor komoditi dengan jumlah keluasan tanaman seluas 1.53 juta hektar. Daripada jumlah ini 58.6% atau 353,665 orang pekebun adalah di Semenanjung, 177,844 orang di Sarawak dan 72,237 orang di Sabah.



Sumber: Agensi-agensi di bawah MPIC

Anggaran purata pendapatan bersih bulanan pekebun kecil sektor komoditi adalah sekitar RM600 hingga RM2,200. Pada tahun 2015, pekebun kecil lada merekodkan anggaran pendapatan bersih bulanan yang tertinggi berbanding pekebun kecil komoditi-komoditi yang lain iaitu sebanyak RM2,230.29. Ini berikutan purata harga pasaran lada lada hitam yang tinggi. Selain itu, antara faktor-faktor utama yang mempengaruhi pendapatan pekebun kecil adalah seperti berikut:

- Harga komoditi di peringkat ladang
- Saiz pegangan tanah
- Tahap produktiviti

Komoditi	Sawit ¹	Getah	Koko	Lada	Kenaf
A. Hasil pengeluaran tahunan (Tan/Ha)	17.33	1.35	1.00	5.40	7.40
B. Purata harga komoditi peringkat ladang (RM/Tan)	412.00 ²	4,013.10 ³	8,029.00 ⁴	28,031.00 ⁵	500.00
C. Anggaran pendapatan kasar tahunan (RM/Ha) = A x B	7,139.96	5,417.70	8,029.00	151,367.40	3,700.00
D. Anggaran kos pengeluaran (RM/Ha)	3,518.00	1,930.5 ⁶	3,180.00	17,550.00	2,385.00 ⁷
E. Anggaran pendapatan bersih bulanan (RM/Ha) = (C – D) / 12 bulan	301.83	290.60	404.08	11,151.45	308.33
F. Purata saiz pegangan tanah (Ha)	3.90	2.20	2.00	0.20	2.00
G. Anggaran purata pendapatan bersih bulanan per saiz pegangan tanah (RM) = E x F	1,177.14	639.32	808.16	2,230.29	616.66

Sumber: Agensi-agensi di bawah MPIC

Nota:

- ¹ Pekebun keci persendirian
- ² Purata harga buah tandan segar (BTS)
- ³ Purata harga *cuplump* peringkat ladang (100% DRC)
- ⁴ Purata harga biji koko (Tawau)
- ⁵ Purata harga lada hitam Kuching
- ⁶ Tidak termasuk kos buruh
- ⁷ Ditanggung sepenuhnya oleh LKTN

Program dan Insentif Bagi Meningkatkan Pendapatan Pekebun Kecil

Kementerian telah menjalankan banyak program yang melibatkan pekebun kecil bagi meningkatkan tahap pengetahuan dalam meningkatkan produktiviti tanaman komoditi selain memberi peluang kepada para pengusaha dalam mempromosikan produk-produk tempatan yang dihasilkan.

Insentif-insentif yang disediakan juga adalah seiring dengan hasrat Kerajaan bagi mencapai status negara maju di mana rakyat disasarkan mempunyai pendapatan sekurang-kurangnya RM5,270 sebulan

1.1 Bantuan/Insentif Kepada Pekebun Kecil Sawit

Skim Tanam Baharu Sawit Pekebun Kecil (TBSPK)

RM7,500 sehektar
di Semenanjung Malaysia

RM9,000 sehektar
di Sabah dan Sarawak

Objektif skim TBSPK adalah bagi meningkatkan pendapatan pekebun kecil melalui pembukaan kawasan baru sawit dan meningkatkan keluasan tanaman sawit serta pengeluaran hasil sawit negara. Nilai bantuan yang diberikan adalah bagi tujuan seperti berikut:

- kos penyediaan tanah
- bahan tanaman
- input pertanian

Kelulusan Permohonan Dan Pelaksanaan TBSPK Sehingga Disember 2015

Kawasan	Permohonan		Pelaksanaan	
	Bilangan Pekebun Kecil	Luas (ha)	Bilangan Pekebun Kecil	Luas (ha)
Semenanjung	6,894	12,459.16	5,551	9,916.61
Sabah	4,617	16,247.89	3,640	11,351.92
Sarawak	27,889	64,678.96	16,554	33,439.40
Jumlah	39,400	93,386.01	25,745	54,707.94

Sumber: MPOB

Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK)

RM7,500 sehektar
di Semenanjung Malaysia

RM9,000 sehektar
di Sabah dan Sarawak

Skim TSSPK bertujuan untuk menggalakkan penanaman semula pokok sawit yang berumur melebihi 25 tahun dan tidak produktif seterusnya meningkatkan produktiviti pekebun kecil bagi mencapai purata hasil BTS negara sebanyak 26 tan/hektar pada 2020.

Kelulusan Permohonan Dan Pelaksanaan TSSPK Sehingga Disember 2015

Kawasan	Permohonan		Pelaksanaan	
	Bilangan Pekebun Kecil	Luas (ha)	Bilangan Pekebun Kecil	Luas (ha)
Semenanjung	17,608	38,140.76	17,608	38,140.76
Sabah	3,171	14,343.61	3,171	14,343.61
Sarawak	207	714.53	207	714.53
Jumlah	20,986	53,198.90	20,986	53,198.90

Sumber: MPOB

Bantuan Penyelenggaraan Kebun (BPK)

Di bawah bantuan ini, pekebun kecil yang menerima bantuan TSSPK dan memiliki keluasan tanah **tidak melebihi 2.5 hektar** menerima bantuan pada kadar **RM500 sebulan** selama dua tahun tertakluk kepada syarat pendapatan pekebun kecil dari kebun sawit yang ditebang dan ditanam semula menyumbang lebih 50% daripada jumlah pendapatan bulanan.

Status Bantuan Penyelenggaraan Kebun (BPK) Sehingga Disember 2015

Negeri	Jumlah Permohonan	Keluasan (Ha)	Permohonan Diproses	Lulus	Gagal	Jumlah (RM)
Johor	594	1,011.36	594	325	266	3,900,000
Kedah	12	13.95	12	10	2	120,000
Kelantan	-	-	-	-	-	-
Melaka	10	10.13	10	7	3	84,000
Negeri Sembilan	77	116.39	77	47	27	564,000
Pahang	14	33.61	14	14	0	168,000
Perak	338	451.25	338	222	110	2,664,000
Perlis	-	-	-	-	-	-
Pulau Pinang	-	-	-	-	-	-
Selangor	261	324.12	261	179	81	2,148,000
Terengganu	13	31.61	13	10	3	120,000
Semenanjung	1,319	1,992.42	1319	814	492	9,768,000
Sabah	61	120.85	61	33	26	396,000
Sarawak	-	-	-	-	-	-
Jumlah	1,380	2,113.27	1,380	847	518	10,164,000

Sumber: MPOB

Skim Bantuan Baja Sawit Pekebun Kecil (SBSPK)

Bantuan yang disediakan sehingga tahun 2015 ini adalah diperuntukkan kepada para pengusaha yang tidak menerima bantuan di bawah TSSPK dan TBSPK. Had bantuan berjumlah **RM3,000 sehektar** dan had maksimum untuk seorang pemohon ialah **3 hektar**.

Kemajuan Permohonan Skim Bantuan Baja Sawit Pekebun Kecil (SBSPK) Sehingga Disember 2015

Negeri	Bilangan Pekebun Kecil	Keluasan (Ha)
Johor	111	198.69
Kedah	18	23.65
Kelantan	2	4.59
Melaka	8	15.01
Negeri Sembilan	4	3.13
Pahang	10	13.81
Perak	51	101.32
Perlis	-	-
Pulau Pinang	-	-
Selangor	10	30.39
Terengganu	2	3.30
Semenanjung	216	393.89
Sabah	12	45.63
Sarawak	562	2,057.77
Jumlah	790	2,497.29

Sumber: MPOB

1.2 Bantuan/Insentif Pekebun Kecil Getah

Mekanisme Kawal Selia Harga Getah di Ladang

Penurunan harga getah pada tahun 2015 memberi kesan kepada pendapatan para pengusaha getah yang mana hamper 95% terdiri daripada pekebun kecil di luar bandar. Dalam hal ini, Kerajaan telah melaksanakan mekanisme kawal selia harga di ladang mulai November 2014.



Penetapan diskaun (**kos dan margin peraih dan pemproses getah**) antara harga SMR20 FOB dan harga yang diterima oleh pekebun kecil



Melibatkan **penyertaan koperasi** dalam urus niaga getah bagi mengurangkan lapisan pembeli



Sehingga 31 Disember 2015, **18** buah koperasi berjaya mendapatkan pembiayaan melalui Agrobank untuk menjalankan urus niaga getah



Peruntukan sebanyak **RM6.4 juta** disediakan Kerajaan sebagai modal pusingan kepada koperasi untuk tujuan urus niaga getah dan pinjaman kenderaan



Koperasi-koperasi mampu menawarkan harga secara purata **RM0.10 hingga RM0.20 sekilogram lebih tinggi** berbanding harga yang ditawarkan oleh pembeli getah berlesen kepada pekebun kecil

Insentif Pengeluaran Getah (IPG)

IPG yang dilaksanakan **mulai Januari 2015** bertujuan menggalakkan pekebun kecil getah meneruskan aktiviti penorehan di samping memastikan pendapatan mereka tidak berada di bawah paras garis kemiskinan. Pada peringkat awal, IPG diaktifkan apabila **paras purata harga bulanan SMR20 berada pada RM4.60 sekilogram ke bawah** dan **harga cuplump di peringkat ladang RM1.75 sekilogram ke bawah**. Mulai **September 2015**, harga pengaktifan **SMR20 ditambahbaik kepada RM5.10 sekilogram** dan **RM2.00 sekilogram bagi cuplump di peringkat ladang**.



Pemberian IPG pada bulan semasa mulai 1hb hingga akhir bulan **berdasarkan purata harga bulanan getah SMR 20 FOB dan *cuplump* pada bulan sebelumnya**



Pekebun kecil boleh membuat tuntutan dengan mengemukakan resit rasmi jualan dan **Permit Autoriti Transaksi Pekebun Kecil Getah (PAT-G)**



Tuntutan IPG diuruskan oleh **LGM** di Semenanjung, di Sabah oleh **Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS)**, manakala di Sarawak oleh **Jabatan Pertanian Sarawak (JPS)** dan LGM

**RM100
juta**

Dana awal disediakan Kerajaan bagi membiayai insentif

**RM2.25
juta**

Sehingga 31 Disember 2015 telah dibelanjakan bagi tujuan pemberian IPG

28,711 Telah mendapat manfaat IPG
permohonan

Langkah ini membolehkan para pekebun kecil getah dengan pemilikan purata **2 hektar** dan produktiviti *cuplump* sebanyak **1,500 kilogram/hektar/tahun** menikmati **pendapatan bulanan sebanyak RM1,000**.

Semasa pembentangan Bajet 2016 pada 23 Oktober 2015, Kerajaan juga telah mengumumkan **kenaikan PHP IPG kepada RM5.50 sekilogram** berdasarkan harga SMR 20 FOB atau **RM2.20 sekilogram** berdasarkan harga *cuplump* di peringkat ladang mulai tahun 2016.



1.3 Program Pembangunan Pekebun Kecil dan Usahawan Koko

Program Pembangunan Tanaman Baru 2015 (TB15)

- Membangunkan kawasan tanaman baru koko seluas 2,000 hektar dengan peruntukan sebanyak RM16 juta (agihan RM8,000 sehektar)
- Membekalkan insentif pembersihan kawasan, anak benih koko, pokok pelindung (pisang), input pertanian dan kursus kemahiran

Wilayah	Luas (ha)	Bilangan Peserta	Peruntukan (RM)
Sabah	900	893	7,200,000
Sarawak	900	885	7,200,000
Semenanjung	200	292	1,600,000
Jumlah	2,000	2,070	16,000,000

Sumber: LKM

Program Peningkatan Produktiviti Koko 2015 (PPP 15)

- Merupakan kesinambungan daripada program PPP dan program pembangunan yang dilaksanakan dalam RMKe-9
- Peruntukan yang diterima adalah sebanyak RM15.0 juta
- Objektif program adalah untuk meningkatkan pengeluaran hasil buah koko dan mengekalkan keluasan tanaman koko yang dibangunkan dalam program pembangunan tanaman yang terdahulu
- Komponen PPP 15 merangkumi bantuan insentif input pertanian dan aktiviti pemindahan teknologi seperti cantuman koko (*hard technology*) dan kursus teknologi lanjutan (*soft technology*)

Wilayah	Input Pertanian	Kursus Teknologi Lanjutan (RM)	Cantuman Pokok Koko (RM)	Jumlah (RM)
Sabah	6,817,810	541,286	180,000	7,539,096
Sarawak	3,815,684	1,068,000	-	4,883,684
Semenanjung	2,213,220	364,000	-	2,577,220
Jumlah	12,846,714	1,973,286	180,000	15,000,000

Sumber: LKM

Pembangunan Usahawan Tani Anak Benih Koko

- Merupakan salah satu komponen dalam Program TB15
- Bilangan usahawan tani yang terlibat adalah seramai 79 usahawan (66 daripadanya adalah usahawan bumiputera). Pecahan mengikut wilayah adalah seperti berikut:
 - o Sabah: 59
 - o Sarawak: 12
 - o Semenanjung: 8
- Sebanyak 2 juta anak benih koko dibekalkan
- Peruntukan komponen adalah sebanyak RM10 juta
- Kos anak benih koko adalah RM5 bagi setiap satu anak pokok bercantum

Program Pembangunan Usahawan Coklat Buatan Tangan

Tahap Usahawan (Pengeluaran/bulan)	Bil. Usahawan	Jumlah Penggunaan Blok Coklat (Kg/thn)	Purata Penggunaan Blok Coklat (Kg/thn)	Jumlah Hasil Jualan (RM/thn)	Purata Hasil Jualan (RM/thn)
Tahap 4 (801 kg ke atas)	7	94,896.00	13,556.00	4,292,794.20	613,256.31
Tahap 3 (301 kg - 801 kg)	8	40,407.00	5,050.87	3,295,757.00	411,969.62
Tahap 2 (101 kg - 300 kg)	8	13,576.00	1,697.00	1,156,569.00	144,571.12
Tahap 1 (100 kg ke bawah)	162	34,693.00	214.15	2,718,728.12	16,782.27
Jumlah	185	183,572.00	992.28	11,463,848.32	61,966.74

Sumber: LKM

1.4 Pekebun Kecil Lada

Program Pembangunan Industri Lada (PIL) Di Bawah RMKe-10



Meningkatkan **keluasan** dan **produktiviti** tanaman lada melalui pelaksanaan program baik pulih



Meningkatkan sumbangan industri lada negara kepada ekonomi negara



Menggalak dan meningkatkan **pengeluaran lada premium** peringkat ladang



Bantuan **input pertanian** dan **bahan tanaman** untuk **tempoh 3 tahun** berturut-turut bernilai **RM18,000 sehektar**

Keluasan Dan Jumlah Pekebun Dibantu Berdasarkan Peruntukan Yang Diperaku Pada Tahun 2015

Kawasan	Program Pembangunan Industri Lada (PIL) Tanaman Baru			Program Bantuan Tanaman Baru Komoditi Lada (One-Off)		
	Luas Kawasan (Ha)	Bilangan Pekebun	Jumlah Peruntukan (RM)	Luas Kawasan (Ha)	Bilangan Pekebun	Jumlah Peruntukan (RM)
Sarawak	560.0	5,600	2,680,000	178.4	595	2,500,700
Sabah	-	-	-	3.0	10	42,000
Semenanjung	-	-	-	9.7	32	135,800
Jumlah Keseluruhan	560.0	5,600	2,680,000	191.1	637	2,678,500

Sumber: MPB

1.5 Pekebun Kecil Kenaf



Insentif bagi
pengeluaran biji benih
RM3,000 sehektar



Insentif bagi
pengeluaran fibre kenaf
RM2,385 sehektar

Sasaran Dan Pencapaian Penanaman Kenaf Bagi Pengeluaran Fibre Sehingga 31 Disember 2015

Negeri	Sasaran		Pencapaian				
	Bilangan Penanam	Keluasan (Hektar)	Telah Tanam (Hektar)	Bilangan Penanam	Jumlah Rosak (Hektar)	Keluasan Berhasil (Hektar)	Pengeluaran Batang Kenaf Kering (Tan)
Kelantan	146	620.0	709.0	211	145.0	564.0	3,887.05
Terengganu	275	540.0	432.9	212	54.8	378.1	1,587.08
Pahang	333	750.0	829.0	375	5.4	823.6	5,962.78
Perak	44	200.0	130.7	49	2.0	128.7	164.80
Selangor	40	100.0	3.0	1	-	3.0	-
Johor	20	100.0	50.0	12	-	50.0	-
Melaka	7	20.0	13.2	5	3.2	10.0	-
Perlis	7	50.0	50.0	10	-	50.0	-
Pulau Pinang	5	25.0	25.0	5	-	25.0	-
Kedah	20	100.0	25.0	-	-	25.0	-
Jumlah	897	2,500.0	2,267.8	880	210.4	2,057.4	11,601.70

Sumber: LKTN

**Sasaran Dan Pencapaian Penanaman Kenaf Bagi Pengeluaran Biji Benih
Sehingga 31 Disember 2015**


Negeri	Prestasi Penanaman				Prestasi Penuaian	
	Keluasan Bertanam (Hektar)	Bilangan Penanam	Keluasan Rosak (Hektar)	Keluasan Berhasil (Hektar)	Keluasan Telah Tuai (Hektar)	Baki Belum Tuai (Hektar)
Kedah	275	87	106	169	38	124
Perlis	255.5	94	2	253.5	20	233.5
Jumlah	530.5	181	108	422.5	58	357.5

Sumber: LKTN

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

	Mikro	Kecil	Sederhana
 Sektor Pembuatan	Jualan tahunan kurang daripada RM300,000 ATAU Kurang daripada 5 pekerja	Jualan tahunan daripada RM300,000 hingga kurang daripada RM15 juta ATAU Daripada 5 hingga kurang daripada 75 pekerja	Jualan tahunan daripada RM15 juta hingga tidak melebihi RM50 juta ATAU Daripada 75 hingga tidak melebihi 200 pekerja
 Sektor Perkhidmatan dan lain-lain	Jualan tahunan kurang daripada RM300,000 ATAU Kurang daripada 5 pekerja	Jualan tahunan daripada RM300,000 hingga kurang daripada RM3 juta ATAU Daripada 5 hingga kurang daripada 30 pekerja	Jualan tahunan daripada RM3 juta hingga tidak melebihi RM30 juta ATAU Daripada 30 hingga tidak melebihi 75 pekerja

Peruntukan Pembangunan PKS Mengikut 8 Bidang Utama di bawah Bajet 2015



Sumber: Unit Pengusaha Komoditi dan Usahawan Bumiputera, MPIC

1.1 Statistik PKS Sektor Komoditi Pada Tahun 2015

Komoditi	Peringkat	Bilangan Syarikat			Jumlah
		Mikro	Kecil	Sederhana	
Sawit	Huluan	*	*	*	3,993
	Pertengahan	*	*	*	112
	Hiliran	*	*	*	2,148
Jumlah					6,253
Getah	Huluan	*	*	*	4,370
	Hiliran	-	-	378	378
Jumlah					4,748
Kayu Kayan	Huluan	-	-	-	-
	Hiliran	193	159	-	352
Jumlah					352
Koko	Huluan	*	*	*	89
	Hiliran	175	10	-	185
Jumlah					274
Lada	Huluan	*	*	*	303
	Hiliran	60	-	-	60
Jumlah					363
Jumlah Keseluruhan PKS Sektor Komoditi					11,990

Sumber: Unit Pengusaha Komoditi dan Usahawan Bumiputera, MPIC


Nota:

(*) Tiada maklumat pecahan sama ada syarikat mikro, kecil atau sederhana.

(-) Tidak berkaitan

1.2 Program Pembangunan PKS Sektor Komoditi

Beberapa program pembangunan PKS telah dijalankan pada tahun 2015 melalui Agensi-agensi di bawah MPIC. Program pembangunan PKS ini juga turut dilaporkan di bawah Pelan Tindakan Bersepadu PKS (*SME Intergrated Plan of Action – SMEIPA*) yang diurussetiakan oleh SMECorp Malaysia.



MPIC BERSAMA RAKYAT

Program Hello Komoditi

Bermula 2011, Hello Komoditi telah diolah menjadi program turun padang Kementerian yang bertindak sebagai medan pertemuan antara Kementerian dan Agensi dengan pekebun kecil dan usahawan komoditi untuk berkongsi pelbagai maklumat berkaitan inisiatif yang dilaksanakan pihak Kerajaan untuk memajukan sektor komoditi. Program Hello Komoditi bertujuan untuk:



Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran masyarakat terutamanya para pekebun kecil dan usahawan berhubung dengan tanaman komoditi seperti sawit, getah, kayu kayan, koko, lada dan kenaf



Memberikan pendedahan kepada pekebun kecil mengenai bantuan dan insentif yang disediakan oleh MPIC dan agensi dalam usaha meningkatkan produktiviti pekebun kecil



Memberikan pendedahan kepada golongan belia mengenai peluang mengikuti latihan dalam sektor perladangan dan komoditi serta peluang keusahawanan berasaskan komoditi yang berpotensi untuk meningkatkan taraf ekonomi penduduk setempat

- Disasarkan kepada pelajar sekolah menengah, penuntut institusi pengajian tinggi, pekebun kecil, usahawan komoditi, penggiat industri komoditi dan masyarakat setempat.
- Aktiviti yang dijalankan semasa program meliputi seminar komoditi, pameran, demonstrasi dan jualan produk komoditi serta Hari Bertemu Pelanggan Kementerian dan Agensi.

4 SIRI PROGRAM HELLO KOMODITI PADA TAHUN 2015

Bil	Tarikh	Lokasi	Bil. Peserta (orang)
1.	18 Mac 2015 (Dirasmikan YAB Ketua Menteri Sarawak)	Kuching, Sarawak	5,000
2.	4-6 September 2015 (Dirasmikan YB Datuk Amar Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi)	Dalat, Sarawak	1,000
3.	11 Oktober 2015 (Dirasmikan YB Datuk Patinggi Timbalan Ketua Menteri Sarawak)	Betong, Sarawak	1,000
4.	21 November 2015 (Dirasmikan YB Dato' Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi)	Sabak Bernam, Selangor	1,000
Jumlah Bilangan Peserta			8,000



Hasil daripada program tersebut, pekebun kecil yang dahulunya menanam secara kurang sistematik mula beralih kepada kaedah GAP dengan tunjuk ajar pegawai pengembangan pertanian seperti pegawai TUNAS (Tunjuk Ajar dan Nasihat Sawit). Input pertanian dan kemudahan lain juga menyumbang kepada peningkatan produktiviti hasil tanaman dan taraf hidup pekebun kecil.

Tidak terhad kepada penanaman sebagai punca pendapatan tunggal, pekebun kecil didayaupayakan untuk menjadi usahawan yang dibimbing. Usaha secara berterusan ini menyasarkan peningkatan purata pendapatan bulanan kepada RM5,270 sebulan menjelang tahun 2020.



Persidangan Pekebun Kecil Dan Usahawan Komoditi Kebangsaan (NSCEC) 2015

NSCEC 2015 merupakan anjuran bersama MPIC dan Kementerian Pemodenan Pertanian (MOMA), Sarawak. Persidangan ini dirasmikan oleh YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Haji Adenan bin Haji Satem, Ketua Menteri Sarawak pada 18 Mac 2015. Seramai **4,763 orang peserta** yang terdiri daripada pekebun kecil dan usahawan komoditi dari serata Malaysia dengan majoriti dari negeri Sarawak telah menyertai persidangan ini. Persidangan bertujuan untuk:

- Memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada pekebun kecil dan usahawan sektor perladangan dan komoditi
- Menyebarkan maklumat terkini mengenai program bantuan kewangan dan teknikal Kerajaan kepada golongan sasaran



- Sebagai landasan bagi Kerajaan memberi penjelasan mengenai pelaksanaan dan strategi Kerajaan, di samping mengenai isu-isu yang dibangkitkan oleh kumpulan sasaran

Lawatan Kerja dan Aktiviti Sepanjang Tahun



5 Januari 2015

Lawatan kerja YB Timbalan Menteri di Kelantan bagi menyampaikan bantuan dan kelengkapan persekolahan kepada anak-anak kakitangan LKTN yang terlibat dengan banjir

8 Januari 2015

Penyampaian Bantuan Wang Ehsan dan Keperluan Asas Makanan kepada Kakitangan MPOB, LGM dan LKM oleh YB Timbalan Menteri di Temerloh, Pahang



17 Januari 2015

Majlis Pelancaran Penggunaan Biodiesel Sawit di Sarawak, Sabah dan WP Labuan & Pengisian B7 oleh YB Menteri



5 Februari 2015

Majlis Taklimat Insentif Pengeluaran Getah (IPG) di Pejabat LGM Wilayah Timur, Kuantan, Pahang





13 Februari 2015

Lab *National Key Economic Area* (NKEA)
Sawit Dan Getah

18 Mac 2015

Majlis Perasmian Persidangan Pekebun Kecil dan
Usahawan Kebangsaan 2015 (NSCEC 2015) oleh YAB
Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Haji Adenan bin Haji Satem
(Ketua Menteri Sarawak) di Kuching, Sarawak



10 April 2015

Lawatan Kerja KSU ke Ibu Pejabat Lembaga Lada
Malaysia serta lawatan tapak Projek Pembangunan
Penubuhan Stesen Penyelidikan Lapangan di
Semenggok, Sarawak

25 Mei 2015

Lawatan Kerja YB Menteri MPIC ke Tapak Projek
Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) di
sekitar Sri Aman, Sarawak





15 Jun 2015

Lawatan YB Menteri ke Nurseri Koko
Nasarudin Ngu Abdullah di Jalan Kim San,
Sarikei, Sarawak

23 Jun 2015

Sesi Konsultasi YB Menteri Bersama
Industri Tembakau



3 Ogos 2015

Majlis Perasmian Program Seminar
Meningkatkan Produktiviti Industri Sawit
Sarawak oleh YB Menteri

20 Ogos 2015

Lawatan Kerja YB Menteri ke United
Plantation Berhad (UPB) di Jenderata
Estate, Teluk Intan, Perak





3 September 2015

Lawatan Kerja YB Menteri ke Projek
Bantuan Tanam Semula Berkelompok (TSB)
Getah, Kg Merian Bedup, Serian, Sarawak

3 September 2015
Lawatan YB Menteri Ke Tapak Projek *Rubber
Block Planting (RBP)* Kampung Stabut,
Siburan, Sarawak



29 Oktober 2015

Sesi Perjumpaan Bersama YAB Ketua Menteri Sabah
Berhubung Pelaksanaan Insentif Pengeluaran Getah di
Kota Kinabalu, Sabah

15 November 2015
Majlis Perasmian Program Transformasi Pekebun
Kecil Komoditi oleh YB Menteri di Rh. Edmund
Gunting, Sengalang, Debak, Sarawak





21 November 2015

Majlis Perasmian Program Hello Komoditi oleh
YB Timbalan Menteri di Sabak Bernam, Selangor

21 November 2015

Majlis Pemeteraian Piagam Penubuhan Majlis Negara-negara
Pengeluar Minyak Sawit (CPOPC) di Kuala Lumpur yang
disaksikan oleh Perdana Menteri YAB Datuk Seri Najib Tun
Razak dan Presiden Indonesia Joko Widodo



15 Disember 2015

Mesyuarat Pelaksanaan Program B10 Di Sektor
Pengangkutan yang dipengerusikan oleh YB Menteri

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

Dalam Negara

Komoditi	Anugerah & Pengiktirafan	Anjuran
MPIC	Anugerah Pencapaian Pelaksanaan Penilaian Outcome Tahun 2015 4 program/projek pembangunan di bawah RMKe-10 yang dikategorikan Siap Sepenuhnya (SS) telah dibentangkan dan mencapai outcome yang dikategorikan sebagai <i>Significantly Exceed Target</i> (ST) dengan pencapaian keseluruhan sebanyak 88.3%.	Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM)
	5 Bintang dalam Pengiktirafan Bintang Agensi Sektor Awam Tahun 2015-2016	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
	Indeks Akauntabiliti	
Sawit (MPOB)	Best of The Best Award. <i>Utilizing of Oil Palm Trunk (OPT) for the Production of Medium Density Fibreboard (MDF)</i>	MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO 2015 <i>Awarded by Malaysian Association of Research Scientist (MARS)</i>
	Gold Medal <i>Utilizing of Oil Palm Trunk (OPT) for the Production of Medium Density Fibreboard (MDF)</i>	
	Silver Medal <i>Tractor Mounted Trunk Injector for Control of Basal Stem Rot Disease (Bsr)</i>	
	Bronze Medal <i>Vermicompost from Oil Palm Biomass as Biofertilizer for Oil Palm Seedling</i>	
Lada (MPB)	Silver Medal Penciptaan Baja Biokimia Lada dalam <i>iCompeEx'15 National Innovation and Invention Competition</i>	Kementerian Pendidikan Malaysia
	Gold Award	Universiti Teknologi Mara

	<i>The Development of Biochemical Fertilizer for Black Pepper – Invention, Innovation and Design Exposition 2015 iidex 2015</i>	
	Saguhati Kategori Perekacipta Harta Intelek – Anugerah Harta Intelek Negara (AHIN) 2015	KPDNKK Perbadanan Harta Intelek Malaysia
	Tempat Pertama <i>Chemical Engineering Industry Project of the Year Award at the 2015 IchemE Malaysia Awards</i>	
	Diamond Award <i>The Development of Biochemical Fertiizer for Black pepper in The International Invention, Innovation and Design Competition (IIID Johor 2015)</i>	

Luar Negara

Komoditi	Anugerah & Pengiktirafan	Anjuran
Sawit (MPOB)	Special Awards <i>IFIA Medal for Best Women Inventor Award for Commercial Production of Renewable Palm Biodiesel and High Value Phytonutrients.</i>	26th International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX 2015) Awarded By Malaysian Invention And Design Society (MINDS)
	Best Invention – Research Institutions <i>Commercial Production of Renewable Palm Biodiesel and High Value Phytonutrients</i>	
	International Patent Award <i>Palm Based Trans-free Liquid Santan Sawit</i>	
	Gold Medal <i>MPOB Modified Fractionation Program for Increased Olien Yield</i>	
	Gold Medal <i>Organic Ganocare as Preventive Treatment in Controlling Ganoderma Disease of Oil Palm</i>	
	Silver Medal <i>Palm Based Batik Wax; Something Beautiful and Astonishing</i>	
	Silver Medal <i>Modified Vessel with Fast Media Transfer (MoVeFast)</i>	
	Bronze Medal <i>NIR Spectrometer Calibration Curve for Oil Loss Monitoring</i>	
	Bronze Medal <i>Family of Gene Encoding Potential Pathogenicity Associated Protein (Cyclophilin)</i>	

Komoditi	Anugerah & Pengiktirafan	Anjuran
	Malaysia Innovative Product <i>Zero Waste Technology for Palm Oil Mills Through Innovative and Holistic Composting System (POMEDfree)</i>	
	Malaysia Innovative Product <i>Palm Oil Hot Pot Soup Stock</i>	
	Special Award <i>Breakthrough Technology – Plant Regeneration from Oil Palm Protoplasts and Production of Transgenic Oil Palm by DNA Microinjection</i>	WORLD INVENTION INNOVATION CONTEST (WiC) <i>Awarded by Korea Invention News (KINEWS), Seoul, Korea</i>
	Special Price of Korean Institute of Patent Information <i>Utilization of Oil Palm Trunk (OPT) for The Production of Medium Density Fibreboard (MDF)</i>	SEOUL INTERNATIONAL INVENTION FAIR (SIIF) 2015 <i>Awarded by Korean Intellectual Property Office (KIPO), Korea</i>
Getah (LGM)	Gold medal and Best Invention in Biotechnology from the Japan Intellectual Property Association (JIPA) Penciptaan Latex-T yang merupakan kit ujian untuk mengesan alahan protein dalam produk susu getah.	26th International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX 2015) <i>Awarded By Malaysian Invention And Design Society (MINDS)</i>
Lada (MPB)	Silver Medal <i>Highly Commended for the Industry Project of the Year Award at the 2015 IchemE Global Awards</i>	

OUTLOOK 2016

Cabaran 2016

Cabaran utama sektor komoditi adalah memastikan pembangunannya mengikut prinsip-prinsip kemampanan memandangkan pembangunan sektor komoditi sering kali dikaitkan dengan kemusnahan alam sekitar. Ini termasuk keperluan pensijilan kemampanan dan sumber yang sah bagi produk-produk seperti sawit dan kayu kayan. Antara cabaran-cabaran lain sektor komoditi adalah seperti:



Meningkatkan produktiviti jangka panjang tanaman komoditi memandangkan kekangan tanah yang sesuai untuk memperluaskan kawasan tanaman di samping komitmen negara untuk **mengekalkan kawasan liputan hutan melebihi 50%**

Meningkatkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan bagi memperkukuhkan sektor hiliran termasuk penghasilan produk-produk baru dan nilai tambah yang inovatif dan memenuhi citarasa pasaran. Langkah ini akan membolehkan **industri komoditi negara berdaya saing di pasaran global** dan menangani cabaran dari lain-lain pengeluaran baru.



Mengurangkan kebergantungan industri komoditi kepada tenaga buruh terutamanya **buruh asing**

Ketidakstabilan harga komoditi khususnya getah dan sawit yang diperdagangkan di peringkat antarabangsa, bergantung kepada faktor-faktor seperti penawaran dan permintaan, pertumbuhan ekonomi global, pergolakan politik antarabangsa dan pergerakan matawang asing




Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11)

Tahun 2016 merupakan permulaan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) yang mana salah satu sasaran yang telah ditetapkan adalah peningkatan pendapatan isi rumah pekebun kecil komoditi ke paras RM5,270 sebulan menjelang akhir pelaksanaan RMKe-11, iaitu tahun 2020.

ENAM STRATEGI TUMPUAN RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS

- 1** Memperkukuh inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama
- 2** Meningkatkan kesejahteraan rakyat
- 3** Meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju
- 4** Menuju ke arah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampanan dan daya tahan
- 5** Memperkukuh infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi
- 6** Merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran


TERAS DAN BIDANG FOKUS BERKAITAN SEKTOR KOMODITI



Semakan Semula Dasar Komoditi Negara

- Dasar Komoditi Negara (DKN) 2011 - 2020 telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 28 September 2011 sebagai satu dasar yang khusus dan berasingan untuk memajukan serta memandu hala tuju industri komoditi negara selari dengan pembangunan industri lain dan menjadikannya sebagai penyumbang utama ekonomi negara.
- Semenjak pelaksanaan DKN pada tahun 2011, industri komoditi negara telah banyak mengalami perubahan dengan pelbagai faktor dalaman dan luaran yang turut mempengaruhi prestasi pencapaian sasaran-sasaran yang ditetapkan.
- Ke arah memastikan industri komoditi negara terus kekal berdaya saing dan relevan sebagai penyumbang utama ekonomi negara, MPIC mengambil langkah untuk mengkaji semula DKN bagi memantapkan kembali arah tuju pembangunan industri komoditi negara menjelang tahun 2020 dan seterusnya.

ANTARA FOKUS DAN SASARAN KAJIAN SEMULA DAN PINDAAN DKN



Libat Urus Dalam dan Luar Negara

Bagi memastikan strategi dan aktiviti yang dijalankan oleh Kementerian adalah selari dengan perkembangan semasa industri komoditi, MPIC telah merancang beberapa sesi libat urus (*engagement*) bersama industri di peringkat domestik seperti berikut:

- Konsultasi Industri dan Dialog NGO
- *Gallery Walk* bagi semakan semula DKN
- Pembangunan Akaun Satelit Komoditi

Industri komoditi negara adalah berorientasikan pasaran eksport dan harga pasaran ditentukan oleh kuasa-kuasa penawaran dan permintaan di pasaran-pasaran utama. Ketika ini, pasaran-pasaran eksport utama negara masih mengalami pertumbuhan ekonomi yang perlahan.

Oleh itu, jalinan kerjasama antarabangsa menerusi ***International Tripartite Rubber Council (ITRC)*** dan ***Council of Palm Oil Producing Countries (CPOPC)*** adalah amat penting bagi merancang dan melaksanakan usaha-usaha penstabilan harga komoditi getah dan sawit.

Selain itu, kerjasama bilateral antarabangsa seperti ***Mesyuarat Bilateral Malaysia – Indonesia*** dan ***Malaysia – Belanda*** turut dirancang bagi memperkukuhkan hubungan dua hala dan pasaran antarabangsa produk-produk komoditi.

PENGURUSAN TERTINGGI

Pengurusan Tertinggi MPIC



Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi
YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas



Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi
YB Dato' Noriah Kasnon

Ketua Setiausaha
Datuk Dr. Sundaran Annamalai



**Timbalan Ketua Setiausaha
(Komoditi)**
Datuk M. Nagarajan



**Timbalan Ketua Setiausaha
(Pengurusan)**
Puan Zurinah Pawanteh

Mantan Pengurusan Tertinggi



Mantan Ketua Setiausaha
Datuk Himmat Singh
21 Julai 2014 – 15 Disember 2015

Mantan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)



Hj. Mohamad Sanuri Shahid
1 Februari 2005 – 1 Februari 2015



Dr. Aminuddin Hassim
1 Februari 2015 – 7 Jun 2015



Encik Zainal Azman Abu Seman
22 Jun 2015 – 15 Disember 2015

VISI, MISI DAN OBJEKTIF KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI

Visi

Menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan (*centre of excellence*) bagi sektor komoditi dan pengeluar utama produk berasaskan komoditi yang mempunyai nilai tambah yang tinggi di pasaran global

Misi

Memastikan industri berasaskan komoditi Malaysia berdaya saing di peringkat antarabangsa dan menyumbang kepada pembangunan negara

Meningkatkan produktiviti dan daya saing sektor perladangan dan komoditi bagi memperkukuhkan dan memperluaskan pasaran tempatan dan antarabangsa

Menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) teknologi perladangan dan industri berasaskan komoditi

Objektif

Meningkatkan sumbangan sektor perladangan dan komoditi dalam pembangunan sosio-ekonomi serta pertumbuhan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)

Menggalakkan pelaburan bagi meningkatkan nilai tambah dalam sektor perladangan dan komoditi

Memastikan pembangunan sektor perladangan dan komoditi berkembang secara mampan dan mesra alam



KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI

No.15, Tingkat 6-13, Persiaran Perdana, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62654 Putrajaya.

Tel 03-8000 8000

Fax 03-8880 3482

www.mpic.gov.my

www.facebook.com/MPICMalaysia

twitter.com/mpic_tweets

Lembaga di bawah MPIC:



Majlis di bawah MPIC:

